

**Kesan Sejarah Dan  
Tempat-Tempat Menarik**

**Negeri Selangor  
Darul Ehsan**

**Mohamed Roselan Abdul Malek**



**Oscar Book International**



D/A Perpustakaan Raja Tun Uda  
Persiaran Perdagangan, 40572 Shah Alam  
Selangor Darul Ehsan



Surat Kami: PPAS 3/16/95

Surat Tuan: -

Tarikh: 01hb. December, 1997

## *Kata-Kata Aluan*

**S**aya mengucapkan terima kasih kerana sudi memberi peluang kepada saya untuk memberikan kata-kata aluan dalam buku '**Kesan Sejarah dan Tempat-Tempat Menarik.**'

Syabas di atas usaha **Oscar Book International** yang telah berusaha menerbitkan buku ini yang saya jangka akan mendapat sambutan yang menggalakkan. Penerbitan seperti ini sebaik-baiknya diterbitkan setiap tahun untuk meningkatkan lagi penerbitan buku di Malaysia.

Saya yakin penerbitan ini amat berguna kepada pelancong dari dalam dan luar negara, para penyelidik, pelajar-pelajar sekolah dan penuntut-penuntut institusi pengajian tinggi. Buku ini dijangka dapat memberikan kefahaman kepada masyarakat tentang peranan perpustakaan awam di Malaysia. Berbagai-bagai usaha telah dijalankan oleh perpustakaan awam terutama Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor yang telah menempa pelbagai kemajuan dan perubahan dari semasa ke semasa untuk memberikan perkhidmatan kepada masyarakat. Melalui buku ini masyarakat akan lebih faham dan peka dengan peranan Perbadanan ini.

Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih dan syabas di atas usaha Oscar Book International sehingga berjaya menerbitkan buku ini.

Sekian, terima kasih.

DATIN PADUKA SHAHANEEM HANOUM

Pengarah,

*DSSA, AMS, AMN, PPT.*

Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor.

# KANDUNGAN

---

	<i>Muka Surat</i>
Peta	1
Bendera & Lambang	2
Sultan	3
Menteri Besar	4
Sejarah Ringkas Selangor Darul Ehsan	5
Shah Alam	17
Kompleks Sukan Shah Alam	19
Stadium Shah Alam	21
Kota Darul Ehsan	23
Petaling Jaya	25
Klang	27
Kajang	30
Masjid Sultan Salahuddin	32
Taman Templer	34
Batu Caves	35
Pantai Morib	39
Jugra	41
Jeram	44
Permatang	46
Sabak Bernam	48
Taman Alam, Kuala Selangor	50
Kota Raja Mahadi	52
Kota Bukit Tanjung Keramat	55
Makam-makam Raja	57

---

Keramat Anak Dara	60
Bukit Malawati	62
Gedung Raja Abdullah	66
Hutan Lipur Tekala	70
Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Selangor	71



# PETA

## Selangor Darul Ehsan



## Bendera Selangor Darul Ehsan



## Lambang

Lambang-lambang tersebut di bawah menggambarkan keteguhan dan semangat cintakan negeri dan negara bagi setiap rakyat. Lambang-lambang ini juga mengingatkan kita tentang perjuangan silam pemerintah-pemerintah terdahulu untuk mewujudkan sebuah negara Malaysia.

### *Lambang Negeri Selangor Darul Ehsan*



- Anak bulan dan bintang menandakan agama Islam sebagai agama rasmi negeri.
- Di sebelah kanan ialah Keris Pendek dan di kiri ialah keris Panjang, manakala di tengah-tengahnya ialah Tombak merah. Ketiga-tiganya melambangkan alat kebesaran negeri.
- Cogankata bertulisan jawi berbunyi "Dipelihara Allah".
- Tali bengkung di bawah cogankata merupakan alat yang dipakai oleh pahlawan-pahlawan zaman dahulu.

## SULTAN NEGERI SELANGOR



Duli Yang Maha Mulia Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj ibni Almarhum Sultan Hishamuddin Alam Shah Alhaj, D.K., D.M.N., S.P.M.S., S.S.S.A., D.K.M.B.(Brunei), D.K. (Terengganu), D.K. (Kelantan), D.K.(Perlis), D.K. (Johor), D.K.(Kedah), D.K. (Negeri Sembilan), D.K. (Perak), D.K (Pahang), S.P.D.K.(Sabah) D.P.(Sawarak), D.U.N.M. (Melaka), P.J.K., Sultan dan Yang di-Pertuan Negeri Selangor. Baginda telah diputerakan pada 8 Mac 1926 di Istana Bandar, Kuala Langat dan menaiki takhta pada 3 September 1960.



## MENTERI BESAR NEGERI SELANGOR



Yang Amat Berhormat  
Dato'(Dr) Haji Abu Hassan bin Haji Omar  
S.P.M.S., S.M.T., P.I.S., F.C.I.T.

## SEJARAH RINGKAS SELANGOR DARUL EHSAN

---

**N***egeri Selangor* Darul Ehsan terletak di bahagian barat Semenanjung Malaysia. Negeri Selangor bersempadan dengan Perak di sebelah utara, Negeri Sembilan di bahagian selatan dan Pahang di sebelah timur. Bahagian barat negeri ini iaitu seluruh pantainya menghadap ke Selat Melaka.

Negeri Selangor Darul Ehsan adalah sebuah negeri yang agak istimewa kerana ia merupakan pusat pemerintahan Malaysia, iaitu Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur terletak di tengah-tengah negeri ini.

Sebelum Kuala Lumpur menjadi Wilayah Persekutuan, negeri Selangor seolah-olah menjadi pusat pemerintahan Malaysia. Ini adalah kerana Kuala Lumpur ialah ibu negara Malaysia dan juga ibu negeri Selangor.

Kini ibu negeri Selangor ialah Shah Alam. Kota Darul Ehsan yang dibina merentangi lebuh raya Kuala Lumpur-Klang menjadi sempadan antara negeri ini dengan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Selangor yang mempunyai keluasan 8,190 kilometer persegi terdiri daripada sembilan buah daerah iaitu Petaling, Gombak, Hulu Selangor, Sabak Bernam, Kuala Selangor, Klang, Kuala Langat, Sepang dan Hulu Langat.

Negeri Selangor didiami orang sejak zaman prasejarah. Di kawasan Batang Berjuntai telah ditemui tiga keping alat besi, dipanggil tulang mawas yang digunakan oleh manusia purba.

Pada tahun 1905 dan tahun 1944, gendang dan loceng gangsa pula ditemui di kawasan Bukit Kuda, Klang. Pada tahun 1964, alat-alat sedemikian juga dijumpai di kawasan Kampung Sungai Lang, Kuala Langat. Penemuan ini membuktikan bahawa Selangor telah didiami manusia bertamadun sejak lebih 2,000 tahun lalu pada zaman pra-sejarah.

Terdapat pelbagai catatan tentang nama Selangor. Nama Selangor bermula daripada Kuala Selangor, sebuah pekan di pinggir Sungai Selangor. Timbulnya nama Selangor adalah sempena sungainya. Kuala sungai ini dinamakan Kuala Selangor.

Mengikut catatan dalam Sejarah Melayu, Paduka Seri Maharaja yang memerintah Singapura pernah dikunjungi oleh Tun Jana Khatib dari Pasai dan dua orang sahabatnya yang bergelar Tuan di Bungoran dan di Selangor.

Dalam abad ke-15 pula, daerah-daerah Selangor seperti Klang, Jeran, Langat dan Selangor (bermaksud Kuala Selangor) pernah disebut sebagai jajahan takluk kerajaan Melayu Melaka.

Dalam kitab Jawa Negarakertagama yang dikarang pada abad ke-14, ada mencatatkan nama Klang terletak di bawah takluk Majapahit.

Beberapa keping peta lama tersimpan di negeri China dan dipercayai peta itulah yang menjadi panduan kepada Laksamana Cheng Ho. Di peta itu ada tertulis Sungai Klang dan Selangor Darat.

Nama Selangor sudah digunakan sekurang-kurangnya pada abad ke-14 lagi. Kajian-kajian awal memberikan nama Selangor sebagai 'Calagore, Salngor, Selimgor, Salangor, Selengor, Solongor, Sorlongor, Sorlangar, Sarahangor, Chalangor dan Charanguror'.

Asal-usul nama Selangor dikaitkan dengan pelbagai cerita. Berdasarkan nama 'Sarahangor', nama Selangor mungkin tercetus daripada sarang helang. Barbosa, seorang berbangsa

Portugis menulis dalam tahun 1516, menyatakan Sara Hangor itu berasal dari 'Sarang Helang' (sarang burung helang). Perkataan itu ialah nama sebuah kampung yang terdapat di pinggir Sungai Selangor sekarang. Kemungkinan pada waktu itu helang bersarang dengan banyaknya di pinggir Sungai Selangor.

Ada juga pendapat mengatakan nama Selangor berasal dari sebutan seekor langau, sejenis laiat besar yang berwarna hijau.

Menurut cerita, pada suatu ketika seorang pahlawan dari Melaka meninggalkan negerinya setelah dikalahkan oleh Portugis. Setelah beberapa lama berjalan, beliau berasa letih dan cuba berehat di bawah sebatang pokok. Belum sempat beliau melelapkan mata, datang seekor langau terbang mengelilingi kepalanya. Kemudian langau itu hinggap di hidungnya. Pahlawan itu cuba menamparnya tetapi langau itu lepas terbang. Begitulah keadaannya beberapa kali.

Dengan suatu tekad pahlawan itu membuat keputusan sekiranya keadaan itu berlaku lagi, beliau akan menampar langau itu sekuat-kuat hatinya. Apabila langau itu hinggap lagi ke batang hidungnya, pahlawan itu menampar seberapa kuat yang boleh. Malangnya langau itu terus berlalu. Yang tinggal hanya kesan sakitnya sahaja.

Sejak peristiwa itu, setiap kali beliau memegang hidungnya setiap kali pula beliau teringat akan kisah seekor langau. Timbullah di fikirannya bahawa beliau tidak pernah dikalahkan oleh mana-mana panglima atau pahlawan, tetapi beliau ditewaskan oleh seekor langau sahaja.

Keadaan ini telah menimbulkan keinginannya untuk meneroka tempat itu dan membatalkan sahaja rancangannya hendak mengembara lebih jauh lagi. Tempat itu dinamakan se (satu) langau yang kemudiannya bertukar menjadi Selangor.

Pendapat lain pula menyebut bahawa nama Selangor berasal daripada banyaknya pokok mentangau, sejenis kayu laut. Selain itu, ada juga pendapat mengatakan pokok mentangau ini ialah sejenis pokok yang tinggi, yang boleh nampak dari laut, sehinggakan setengah-setengah pedagang mengatakan "Aku

nak singgah di kuala sungai mentangau." Kepelatan menyebut mentangau itu akhirnya menjadi Selangor.

Cerita lain pula ada mengatakan bahawa sebuah bahtera dari Kedah datang ke Selangor kerana nakhodanya ingin menjadi penghulu di situ. Berita ini terlebih dahulu telah diketahui oleh penduduk Kuala Selangor. Oleh itu mereka berikhtiar agar rombongan itu tidak dapat mudik.

Tidak jauh dari kuala sungai yang akan dimudikinya, bahtera itu pun tersekat dan tidak dapat bergerak lagi. Beberapa ikhtiar telah dicuba tetapi semuanya gagal. Nakhoda pun memerintahkan supaya salah seorang daripada anak buahnya turun ke dasar sungai untuk melihat apa yang telah menyebabkan bahteranya tidak dapat bergerak.

Setelah disiasat, didapati beratus-ratus batang kayu mentangau yang telah diruncingkan hujungnya disusun berselang-seli di dasar sungai. Kerja ini adalah salah satu usaha untuk menghalang kemaraan bahtera itu. Daripada batang kayu mentangau itulah timbulnya nama 'Sungai Mentangau' dan akhirnya menjadi Sungai Selangor.

Catatan lain pula menyatakan nama Selangor berasal dari perkataan 'salang' dan 'jemur'. Ini berdasarkan kepada suatu tempat di pinggir Sungai Selangor yang dahulunya dijadikan tempat mendenda penderhaka dengan hukuman salang (ditikam dengan keris di bahagian rusuk) dan kemudiannya dijemur. Gabungan dari perkataan 'salang' dan 'jemur' inilah terbitnya Selangor.

Dalam abad ke-15, seorang ketua yang dipanggil Penghulu telah dititahkan oleh Sultan Melaka untuk memerintah Klang. Penghulu itu ialah Bendahara Tun Perak. Peristiwa itu berlaku semasa pemerintahan Sultan Muzaffar Shah (1445-1458). Semenjak itu, Klang kekal sebagai wilayah yang dikhususkan kepada keluarga Melayu Bendahara Melaka.

Semasa pemerintahan Sultan Mansur Shah (1458-1477), terdapat dua buah lagi daerah Selangor di bawah kuasa Melaka. Kedua-dua daerah ini ialah Jeram dan Langat. Daerah-daerah

ini diperintah oleh Paduka Sri China iaitu putera Sultan Mansur Shah dan Puteri Hang Li Po.

Setelah Portugis memerintah Melaka, negeri Selangor ditakluki pula oleh empayar Johor di bawah pemerintahan Sri Agar Diraja, salah seorang keluarga Bendahara Johor. Kemasukan orang-orang Bugis secara besar-besaran berlaku pada abad ke-17. Mereka menduduki daerah-daerah di negeri Selangor.

Memandangkan mereka ialah kaum majoriti Selangor, pemerintah Johor telah melantik seorang Yamtuan sebagai ketua mereka. Malangnya, orang-orang Bugis telah mengambil kesempatan atas kebaikan pemerintah Johor. Akhirnya Johor berjaya ditakluki oleh Bugis.

Dalam pada itu Selangor dijadikan pangkalan operasi tentera Bugis oleh Daeng Chelak anak Daeng Rilaka, raja Bugis yang terkenal. Peristiwa ini berlaku pada abad ke-18.

Pada pertengahan abad ke-18, Bugis mengasaskan kerajaan Selangor apabila Raja Lumu, putera kepada Daeng Chelak dan abang kepada Raja Haji menjadi Sultan Selangor yang pertama. Baginda diberi gelaran Sultan Salehuddin dan memerintah selama 22 tahun (1756-1778).

Sultan Selangor yang kedua ialah Sultan Ibrahim Shah. Baginda ditabalkan pada tahun 1778 dan memerintah selama 48 tahun (1778-1826).

Pada masa pemerintahan kedua-dua sultan ini, Selangor berkembang maju dan menjadi terkenal kerana bijih timahnya. Daerah Langat, Lukut, Klang, Kuala Selangor dan Bernam menjadi kawasan bijih timah yang masyhur. Pada awal abad ke-19, daerah Klang dan Kuala Selangor merupakan dua buah daerah yang paling banyak menghasilkan bijih timah.

Pada tahun 1784, angkatan Belanda dari Melaka telah menyerang Selangor. Tindakan Belanda itu adalah kerana angkatan Sultan Ibrahim Shah telah membantu Raja Haji menyerang Belanda di Melaka. Dalam peperangan itu Belanda berjaya menawan kota Selangor dan mengambil Kota Batu

yang terletak di Bukit Selangor dan Bukit Tanjung Keramat. Pada 2 Ogos 1784, Belanda telah berjaya menakluki Selangor.

Sultan Ibrahim telah melarikan diri ke Bernam dan kemudian ke Pahang. Pihak Belanda telah melantik Raja Muhammad Ali, iaitu cucu kepada Raja Kecil Siak untuk menjadi raja Selangor bagi menggantikan Sultan Ibrahim. Walau bagaimanapun tidak lama selepas itu, Raja Muhammad Ali telah melarikan diri meninggalkan Selangor.

Dalam tahun 1785, Sultan Ibrahim berjaya mengumpul orang-orangnya menyerang Belanda dengan bantuan Pahang. Akibat serangan itu, Belanda terpaksa meninggalkan Selangor dan menuju ke Melaka.

Tidak lama selepas kekalahan itu, dalam bulan Julai 1785, Belanda telah bersiap sedia untuk menyerang Selangor semula. Kali ini, Belanda menggunakan kapal dan perahu untuk mengepung kawasan Kuala Selangor. Akibatnya penduduk Selangor hidup dalam kesusahan kerana kapal dagangannya tidak dibenarkan membuat hubungan dengan Selangor.

Akhirnya dalam bulan Jun 1786, Sultan Ibrahim mengambil keputusan untuk berdamai dengan Belanda. Hasil perundingan itu kedua-dua pihak bersetuju untuk menandatangani suatu perjanjian damai.

Sultan Ibrahim mangkat pada 27 Oktober 1826. Setelah Sultan Ibrahim mangkat, timbul kekecohan di kalangan kerabat diraja negeri Selangor. Kekecohan itu berlaku semasa pemilihan sultan berikutnya untuk mengambil alih tempat Sultan Ibrahim.

Akhirnya pembesar-pembesar negeri Selangor telah mencapai kata sepakat dan bersetuju melantik Raja Muhammad sebagai Sultan Selangor yang ketiga pada tahun 1826. Raja Muhammad bergelar Sultan Muhammad Shah.

Malangnya, dalam masa pemerintahan Sultan Muhammad Shah, keadaan dalam negeri tidak tenteram. Rakyat negeri Selangor berasa tertindas oleh pihak yang berkuasa. Pelbagai kezaliman telah dihadapi oleh rakyat jelata terutama sekali dalam hal yang bersangkutan dengan pemungutan cukai.

Kerabat diraja dan pembesar-pembesar menentukan taksiran dan pungutan cukai. Hal ini dianggap tidak bertimbangrasa bahkan membebankan rakyat. Akibatnya berlaku pemberontakan daripada rakyat iaitu berlakunya rampasan dan rompakan di beberapa daerah di negeri ini.

Pada masa pemerintahan Sultan Muhammad Shah ini juga kawasan perlombongan bijih timah banyak dibuka. Pada masa inilah terdapat ramai orang Cina datang ke Selangor untuk bekerja di lombong-lombong bijih timah. Dengan demikian, bilangan penduduk Selangor semakin bertambah, begitu juga dengan hasilnya.

Sultan Muhammad Shah mempunyai tiga orang putera iaitu Raja Sulaiman, Raja Othman dan Raja Yusof. Malangnya ketiga-tiga putera raja ini sering bersengketa sesama sendiri kerana masing-masing sangat ingin dilantik menjadi Raja Muda Selangor. Dalam pergolakan inilah Sultan Muhammad Shah melantik menantunya, iaitu Raja Abdul Samad untuk mentadbir daerah Kuala Selangor.

Pada mulanya, putera Sultan Muhammad Shah yang bernama Raja Sulaiman dilantik menjadi pentadbir daerah Klang. Setelah Raja Sulaiman mangkat, Sultan Muhammad Shah melantik menantu saudaranya, iaitu Raja Abdullah sebagai pemerintah Klang. Raja Mahadi putera Almarhum Raja Sulaiman tidak berpuas hati akan perlantikan itu kerana beliau merasakan bahawa dirinya sebagai putera Almarhum Raja Sulaiman dan harus dilantik menggantikan ayahandanya.

Akibat dari rasa tidak puas hati dan kecewa itu, berlakulah persengketaan antara Raja Mahadi dengan Raja Abdullah. Akhirnya Raja Mahadi berjaya mengalahkan Raja Abdullah. Raja Abdullah melarikan diri ke Melaka dan kemudiannya mangkat di sana.

Semasa pentadbiran Raja Abdullah, daerah Klang berkembang maju. Baginda telah berusaha dengan gigih bagi mendapatkan wang untuk mengusahakan lombong bijih timah di kawasan itu. Pada masa yang sama, orang luar terutamanya orang Cina telah berhijrah ke Selangor beramai-ramai.



Setelah Raja Mahadi berkuasa di Klang, beliau bermusuhan pula dengan Sultan Abdul Samad. Beliau enggan membayar cukai yang sepatutnya kepada Sultan Abdul Samad. Ini membuatkan baginda marah dan mencari jalan untuk menyingkirkan Raja Mahadi yang berkuasa di Klang itu.

Salah satu cara yang diambil oleh Sultan Abdul Samad untuk menjatuhkan Raja Mahadi ialah dengan mengangkat Tengku Kudin (Tengku Dhiauddin) sebagai wakil baginda. Tengku Kudin ialah menantu baginda yang telah berkahwin dengan puteri baginda iaitu Tengku Arfah pada tahun 1867. Beliau adalah adik kepada Sultan Kedah.

Perlantikan ini bukan sahaja tidak disetujui oleh putera-putera baginda malah juga pembesar-pembesar Selangor. Ini disebabkan Tengku Kudin adalah orang luar dan tidak sepatutnya memegang jawatan yang diserahkan kepada beliau sedangkan putera-putera baginda masih ada. Oleh itu, apabila meletusnya Perang Klang dalam tahun 1867, Tengku Kudin tidak dapat mengawal keadaan huru-hara.

Tengku Kudin telah berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk mengamankan daerah Klang dan sekaligus mengambil daerah tersebut daripada Raja Mahadi. Beliau telah mengepung Raja Mahadi di Klang.

Pengepungan ini menyebabkan Raja Mahadi dan pengikut-pengikutnya tidak dapat keluar dari daerah Klang. Mereka juga tidak dapat keluar mencari bekalan makanan dan keperluan lain setelah dikepung selama enam bulan. Bekalan makanan, wang dan keperluan lain semakin berkurangan.

Mereka mengambil keputusan untuk meninggalkan tempat itu. Akhirnya pada Mac 1870, Klang jatuh ke tangan Tengku Kudin. Oleh kerana Tengku Kudin berjaya mendapatkan Klang daripada Raja Mahadi, maka Sultan Abdul Samad telah menyerahkan daerah Klang kepada Tengku Kudin.

Pada masa pemerintahan Tengku Kudin, banyak kemajuan dan pembaharuan telah dilaksanakan di daerah Klang. Tengku Kudin telah membina jalan raya-jalan raya yang baru, membuka kawasan perusahan dan memajukan perniagaan bijih timah.

Perhubungan dengan Negeri-negeri Selat juga dipereratkan. Klang menjadi pusat pembangunan dan perniagaan yang terkenal di Selangor.

Di bawah pemerintahan Sultan Abdul Samad juga, satu peristiwa telah berlaku dalam bulan Jun 1871. Peristiwa itu telah membawa kepada campur tangan Inggeris di Selangor. Campur tangan ini berpunca daripada pergaduhan tauke Cina dari Pulau Pinang yang mana tongkangnya telah dirompak dan semua penumpang dan anak tongkangnya mati dibunuh. Perompak itu dipercayai tinggal di Kuala Selangor.

Berikutan pergaduhan itu, Inggeris telah mengarahkan Kapten Bredbarry pergi ke Selangor untuk membuat penyiasatan. Apabila Kapten Bredbarry tiba di Kuala Selangor, beliau disambut oleh Raja Musa, iaitu putera Sultan Abdul Samad. Dengan pertolongan Raja Musa, pihak Inggeris telah berjaya menangkap perompak itu.

Tidak lama kemudian, Inggeris datang sekali lagi ke Kuala Selangor. Kali ini dengan tujuan hendak menangkap saki-baki perompak yang masih belum ditangkap. Oleh kerana Raja Musa tiada, maka wakil Inggeris itu telah diberi layanan yang buruk oleh pengikut-pengikut Raja Mahadi.

Hal ini menimbulkan kemarahan dan rasa tidak puas hati orang Inggeris. Akibatnya tercetuslah peperangan antara pengikut-pengikut Raja Mahadi dengan pihak Inggeris. Peperangan ini berlaku pada 4 Julai 1871 dan berlanjutan sehingga 6 Julai 1871.

Akibat serangan itu, Raja Mahadi dan pengikut-pengikutnya terpaksa meninggalkan Kuala Selangor. Tidak lama kemudian, Tengku Kudin telah menghantar orang-orangnya untuk menduduki Kuala Selangor. Dengan itu, Kuala Selangor pun jatuh ke tangan Tengku Kudin.

Tengku Kudin gemar menjalinkan persahabatan dengan Inggeris untuk menegakkan kuasanya di Selangor. Dalam bulan Ogos 1871, Raja Musa datang untuk menduduki Kuala Selangor

semula. Beliau telah mendirikan sebuah kota di suatu tempat yang bernama Permatang.

Tengku Kudin telah memberi kuasa kepada Raja Musa untuk memungut cukai di Sungai Selangor dengan satu syarat. Syaratnya ialah Raja Musa mesti menanggung segala perbelanjaan kerosakan akibat perang di tempat itu.

Walau bagaimanapun, Raja Musa enggan mematuhi syarat itu. Menurutnya, Tengku Kudin yang sepatutnya membayar segala kerosakan di daerah itu kerana ayahandanya, Sultan Abdul Samad telah memberi kuasa pemerintahan itu kepadanya.

Akibatnya, Tengku Kudin telah mengirim sepucuk surat kepada gabenor Inggeris di Singapura supaya menggantikan Raja Musa dengan Raja Yaakub. Perbuatan Tengku Kudin ini telah menambahkan lagi rasa benci putera-putera Sultan Abdul Samad.

Tengku Kudin telah ditentang hebat oleh Raja Mahadi dan sekutunya Raja Musa. Dalam tahun 1872, Raja Mahadi dan Raja Musa telah berjaya menawan Kuala Lumpur.

Tengku Kudin tidak berdiam diri. Beliau dan Yap Ah Loy dengan bantuan tentera dari Pahang telah membuat persiapan di Klang. Dalam tahun 1873, Kuala Lumpur dapat dirampas kembali dari tangan Raja Mahadi.

Pada 8 November 1873, Tengku Kudin telah berjaya menawan Kuala Selangor kembali. Raja Musa yang berada di Kuala Selangor telah melarikan diri ke Langat.

Sultan Abdul Samad menyedari keadaan huru-hara yang berlaku di kalangan kerabat diraja Selangor itu. Baginda kemudiannya telah mengutuskan surat kepada kerajaan Inggeris supaya Selangor dimasukkan di bawah naungan pihak British.

Pihak British telah bersetuju dengan permohonan Sultan Abdul Samad itu. Mulai tahun 1874, Selangor mempunyai wakil British yang dipanggil Residen. J.G. Davidson telah dilantik sebagai residen pertama Selangor. Penolong Residen ialah Frank Swettenham. |

Pada 16 Mei 1875, Sultan Abdul Samad telah melantik putera sulungnya iaitu Raja Musa sebagai Raja Muda Selangor. Pada tahun yang sama, sekolah Melayu yang pertama telah dibuka di Klang dan merupakan sekolah Melayu yang pertama di Selangor.

Dalam tahun itu juga Kapten Bloomfield Douglas telah dilantik menjadi residen British bagi menggantikan tempat J.G. Davidson. Semasa menjalankan tugas pentadbirannya, Bloomfield Douglas tidak berbincang terlebih dahulu dengan Tengku Kudin. Perbuatannya ini tidak menyenangkan Tengku Kudin. Oleh itu, Tengku Kudin telah meletakkan jawatannya.

Dalam tahun 1895, Sultan Abdul Samad telah bersetuju memasukkan Selangor menjadi salah sebuah negeri persekutuan yang dinamakan Negeri-negeri Melayu Bersekutu.

Tiga tahun kemudian, iaitu pada 6 Februari 1898, Sultan Abdul Samad mangkat di Istana Jugra, Banting. Baginda yang merupakan Sultan Selangor yang keempat telah memerintah Selangor selama hampir 40 tahun.

Raja Muda Sulaiman iaitu cucunda Sultan Abdul Samad telah dilantik menjadi Sultan Selangor yang kelima dengan persetujuan pihak Inggeris. Baginda memakai gelaran Sultan Alauddin Sulaiman Shah.

Baginda telah banyak membawa pembangunan kepada Selangor. Lebih banyak jalan raya dibina. Begitu juga dengan landasan kereta api. Banyak pembinaan rumah dan kedai moden telah diwujudkan. Baginda turut menggalakkan perusahaan seperti pertanian dan pertukangan kayu.

Sultan Alauddin Sulaiman Shah mangkat di Istana Mahkota, Klang pada 31 Mac 1938 setelah memerintah Selangor kira-kira 40 tahun. Baginda digantikan oleh Tengku Alam Shah dan memakai gelaran Sultan Hishamuddin Alam Shah sebagai Sultan Selangor yang keenam.

Beberapa tahun kemudian, iaitu pada 8 Disember 1941, tentera Jepun telah menyerang Tanah Melayu dan menaqlukinya. Setelah Jepun menduduki Selangor pada tahun

1942, Jepun telah melantik Tengku Musauddin sebagai Sultan Selangor yang ketujuh dengan gelaran Sultan Musa Ghiathuddin Riayat Shah. Sultan Hishamuddin pula dilucutkan jawatan baginda.

Walau bagaimanapun, setelah Inggeris berjaya mengusir Jepun, Inggeris telah melantik semula Sultan Hishamuddin Alam Shah menjadi Sultan Selangor pada tahun 1945.

Sultan Hishamuddin Alam Shah pernah dilantik menjadi Yang Dipertuan Agong yang kedua pada 14 April 1960. Malangnya baginda hanya sempat menjadi Yang Dipertuan Agong selama lima bulan sahaja kerana baginda mangkat pada 1 September 1960. Baginda memerintah negeri Selangor selama 19 tahun (1938-1942 dan 1945-1960).

Pada 3 September 1960, Raja Abdul Aziz, putera Sultan Hishamuddin Alam Shah yang sulung telah dilantik menjadi Sultan Selangor yang kelapan. Baginda memakai gelaran Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.

Sejak baginda memerintah, Selangor telah mengalami proses pembangunan yang pesat. Pada September 1985, genaplah usia pemerintahan baginda selama 25 tahun dan baginda menyambut perayaan Jubli Perak.

Semasa pemerintahan baginda, Kuala Lumpur telah diserahkan kepada kerajaan persekutuan untuk dijadikan Wilayah Persekutuan. Kuala Lumpur menjadi sebuah Wilayah Persekutuan pada 1 Februari 1972. Kini Selangor terus membangun dan menikmati kejayaan demi kejayaan.



## SHAH ALAM

---

**Shah Alam** adalah sebuah bandar industri moden. Shah Alam adalah sebuah bandar yang pesat membangun dengan jalan raya yang lebar, kawasan perumahan, kawasan perindustrian serta lengkap dengan taman dan tempat rekreasi.

Ita terbentuk dari perancangan yang teliti. Perancang bandar yang mengambil kira masalah kesesakan jalan raya, pembangunan yang sesak dan padat. Ita terletak kira-kira 30 kilometer dari Kuala Lumpur.

Mengikut catatan sejarah, apabila Sungai Renggam dipersetujui untuk dijadikan ibu negeri Selangor, kerajaan negeri perlu mengubah nama tersebut kepada satu nama lain.

DYMM Sultan Selangor sendiri telah berkenan mencadangkan nama Shah Alam. Akhirnya, setelah dirujuk kepada Majlis Kerja Kerajaan Selangor untuk diluluskan, Shah Alam dipilih sebagai nama baru Sungai Renggam.

Nama Shah Alam ini diambil daripada nama kedua Almarhum Paduka Ayahanda DYMM Sultan Selangor iaitu Alam Shah.

Shah Alam adalah bandar baru yang mempunyai pelbagai tempat menarik. Kawasan perindustrian Shah Alam merupakan antara kawasan perindustrian yang termoden dan terbesar di Malaysia.

Terdapat lebih 200 buah kilang di Shah Alam dengan pelbagai jenis industri yang bertaraf antarabangsa. Misalnya kilang tayar, barang elektronik, memproses makanan, kertas dan kimia. Kilang kereta nasional Proton Saga juga terletak di Shah Alam.

Perpustakaan Negeri Selangor yang dikenali dengan nama Perpustakaan Raja Tun Uda merupakan perpustakaan yang terbesar. Muzium Negeri pula dibina bagi memelihara warisan sejarah negeri dan menjalankan penyelidikan.

Dari segi pendidikan, Shah Alam mempunyai kampus induk Institut Teknologi MARA (ITM) yang menawarkan pelbagai kursus profesional.

Dari segi sukan, Shah Alam mempunyai Litar Lumba Batu Tiga, Stadium Shah Alam dan Kompleks Sukan Shah Alam.

Bangunan Sultan Sallehuddin Abdul Aziz Shah adalah pusat pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan. Bangunan ini menempatkan pejabat Menteri Besar, Setiausaha Kerajaan Negeri dan jabatan lain.

Berhampiran dengan bangunan ini terletak Dewan Undangan Negeri, Tugu Peringatan Negeri dan Dewan Jubli Perak.

Masjid Negeri Selangor adalah masjid yang terbesar di Malaysia. Luas kawasan masjid ini adalah 14.6 hektar. Masjid ini boleh menampung seramai 16,000 jemaah sekaligus.

Masjid ini unik kerana kubahnya merupakan kubah yang terbesar di Asia Tenggara dan menaranya pula adalah yang tertinggi di dunia.

Selain itu, Shah Alam mempunyai beberapa tempat rekreasi yang menarik. Misalnya Taman Tasik Shah Alam dan Taman Bukit Cahaya. Selain itu, terdapat juga Istana Bukit Kayangan.



## KOMPLEKS SUKAN SHAH ALAM

---

**K**ompleks *Sukan Shah Alam* terletak di bandar Shah Alam, sebuah bandar yang sedang pesat membangun. Kedudukannya hanya lebih kurang setengah jam perjalanan dari bandar raya Kuala Lumpur.

Kompleks Sukan Shah Alam dirancang oleh sekumpulan pakar yang mengambil kira keunikan seni bina. Kompleks ini akan menjadi mercu tanda bandar Shah Alam dan negara. Kompleks ini dibina di atas kawasan seluas 283 hektar.

Kompleks ini dilengkapi dengan pelbagai kemudahan sukan di mana Stadium Shah Alam boleh menampung 80,000 penonton. Sebagai stadium utama, stadium ini dilengkapi dengan papan markah yang kedua terbesar di dunia.

Stadium yang mempunyai keluasan 155,000 kaki persegi itu dilengkapi dengan padang bola sepak, balapan, kemudahan pertunjukan pentas dan kemudahan sukan lainnya.

Selain itu, kompleks ini mempunyai sebuah stadium tertutup yang berhawa dingin. Stadium yang masih dalam pembinaan



ini dijangka siap menjelang tahun 1997.

Stadium itu seluas 23,000 kaki persegi dengan muatan penonton 12,000 orang. Satu kawasan seluas 50 meter panjang dan 50 meter lebar dibina untuk sukan jimmastik, tenis, bola keranjang, badminton, gusti, judo, angkat berat dan sukan lain.

Kompleks renang pula dijangka siap menjelang tahun 1997 mengandungi lima kolam renang dengan jumlah muatan penonton seramai 7,000 orang. Keluasan kolam renang utama untuk pertandingan ialah 25 x 50 meter manakala dalamnya 1 meter dengan sepuluh lorong. Sebuah kolam lagi adalah seluas 25 x 50 meter juga.

Keluasan kolam untuk terjunan pula ialah 25 x 35 meter. Kolam untuk latihan pula ialah seluas 50 x 15 meter dan sebuah kolam lagi adalah untuk kanak-kanak.

Kompleks Tenis pula mempunyai 22 gelanggang tenis di mana empat daripadanya tertutup. Gelanggang terbuka mempunyai ruang penonton seramai 4,000 orang, manakala gelanggang tertutup boleh menampung seramai 3,000 penonton.

12 gelanggang adalah untuk pertandingan, empat gelanggang latihan dan dua separuh gelanggang. Kompleks Tenis ini juga dijangka siap menjelang tahun 1997.

Kesemua ruang Kompleks Sukan Shah Alam dilengkapi dengan kemudahan canggih dan menggunakan teknologi termoden.

Kemudahan di sini dapat menepati kehendak sukan bertaraf antarabangsa. Kompleks ini akan menjadi gelanggang utama untuk Sukan Komanwel pada tahun 1998 nanti.



## STADIUM SHAH ALAM

---

**Stadium Shah Alam** adalah sebuah stadium yang termoden dan terbesar di Malaysia dan juga di Asia Tenggara. Ia boleh memuatkan jumlah 80,000 penonton pada satu masa.

Stadium yang berharga RM460 juta ini merupakan satu kebanggaan kepada rakyat Selangor khususnya dan Malaysia amnya. Stadium ini telah dirasmikan oleh Sultan Selangor pada 16 Julai, 1994 dalam satu upacara yang gilang-gemilang.

Pertunjukan laser dan cahaya menyerikan lagi pembukaan rasmi stadium ini. Menteri Besar Selangor, Tan Sri Muhammad Haji Muhammad Taib menyifatkan stadium ini bukan sahaja memajukan sukan di negeri ini tetapi juga industri yang berkaitan dengan sukan seperti pembuatan pakaian sukan dan peralatan sukan.

Menurutnya, kerajaan Selangor akan menjadikan Shah Alam sebagai bandar sukan yang lengkap dengan kemudahan sukan bertaraf dunia pada penghujung abad ini.

Stadium ini dilengkapi dengan kemudahan balapan syn-

thetic yang bertaraf Olimpik dan padang bola sepak yang setaraf dengan padang yang terdapat di Italy, Arab Saudi dan Jepun.

Di samping itu, stadium ini dilengkapi dengan alat teknologi canggih dan termoden dan terkini.

Manakala, papan markah yang terdapat di stadium itu merupakan papan yang kedua terbesar di dunia.

Kerajaan Selangor juga bercadang untuk membina kompleks sukan, velodrome, stadium renang, hotel dan chalet. Shah Alam akan menjadi pusat tumpuan sukan bertaraf antarabangsa di negeri ini.



## KOTA DARUL EHSAN

---

**K**ota Darul Ehsan merupakan sebuah pintu gerbang yang menjadi tanda sempadan di antara negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan. Kota ini dibina di Lebuhraya Persekutuan. Kota Darul Ehsan merupakan kota yang paling mahal pernah dibina di negara ini. Pembinaannya menelan belanja RM 4.4 juta dengan menggunakan jenis batu yang paling baik di dunia.

Kota Darul Ehsan yang mengambil sempena nama negeri Selangor ini juga merupakan kota batu paling cepat disiapkan. Kota ini hanya mengambil masa enam bulan untuk disiapkan dan telah dirasmikan oleh Sultan Selangor pada 3 Januari 1982.

Tujuan kota ini dibina adalah atas kehendak Sultan Selangor yang mahu menjadikannya sebagai lambang peringatan penyerahan wilayah Selangor kepada Kuala Lumpur bagi membentuk Wilayah Persekutuan pada tahun 1974.

Kota ini dibina menyerupai bentuk 'Marble Arch' di Hyde Park, London. Reka bentuk kota ini mempunyai ciri-ciri yang menarik. Salah satu ciri yang menarik adalah terdapat beberapa

kubah di atas kota ini. Di tengah-tengahnya terdapat sebuah kubah yang besar. Kubah ini melambangkan agama Islam sebagai agama rasmi negeri Selangor.



## PETALING JAYA

**P***etaling Jaya* terletak dalam daerah Petaling. Petaling Jaya ialah kawasan perindustrian yang utama dan terpenting di negeri Selangor. Kilang-kilang elektronik dan industri ringan banyak terdapat di kawasan ini.

Sebagai pusat pentadbiran daerah, terdapat banyak pejabat kerajaan dan swasta di sini. Di sekitar kawasan Petaling Jaya ini juga terdapat banyak taman rekreasi.

Menurut catatan sejarah, pada tahun 1952 tercetus idea untuk membangunkan kawasan ladang getah ke selatan Kampung Petaling. Pada tahun berikutnya, terbentuklah Lembaga Perbandaran Petaling Jaya. Sejak tarikh itu Petaling Jaya terus berkembang maju.

Sebelum Petaling Jaya dibangunkan terdapat sebuah stesen kereta api yang penting di antara Kuala Lumpur dan Klang. Stesen itu terletak kira-kira 11 kilometer dari Kuala Lumpur dan dipanggil Stesen Petaling.

Asal-usul nama Petaling Jaya dikatakan berasal daripada pokok petaling yang banyak tumbuh di Bukit Petaling. Kayu petaling ialah kayu keras yang tidak mudah dimakan anai-anai dan sering digunakan sebagai tiang rumah. 'Jaya' ialah perkataan Sanskrit. Perkataan ini telah digabungkan dengan perkataan 'Petaling' sebagai nama perbandaran baru untuk mencerminkan harapan perancangnya.



## KLANG

---

**K**lang adalah bekas ibu negeri Selangor sebelum Kuala Lumpur dan Shah Alam. Kini Klang hanya merupakan sebuah bandar diraja Selangor. Kawasan bandar Klang terbahagi kepada dua iaitu Klang Utara dan Klang Selatan. Kedua-duanya dipisahkan oleh Sungai Klang dan dihubungkan oleh dua jambatan iaitu Jambatan Kota dan Jambatan Sultan Salahuddin.

Klang merupakan bandar bersejarah di negeri ini. Nama Klang banyak tercatat dalam buku-buku sejarah. Dalam sejarah pemerintahan negeri itu, Klang menjadi rebutan antara Raja Abdullah dengan Raja Mahadi. Salah satu keistimewaan bandar Klang ialah terdapat banyak burung gagak sehingga bandar ini digelar 'bandar gagak'.

Menurut cerita, nama Klang timbul apabila orang yang mula-mula datang ke Klang menemui kerang dengan banyaknya di sekitar kuala sungai besar yang mengalir di kawasan itu. Sungai itu dinamakan Sungai Kerang dan perkampungan yang dibangunkan di sekitarnya dinamakan Kerang.



Penduduk asal bandar Kerang ialah orang-orang Melayu yang bekerja sebagai nelayan dan petani. Orang-orang Cina datang ke Kerang tidak lama kemudian.

Pada peringkat awal, orang-orang Cina datang ke Kerang adalah untuk membeli hasil tangkapan nelayan seperti ikan, udang dan kerang daripada penduduk tempatan.

Tidak ramai orang Cina yang fasih berbahasa Melayu ketika itu. Kemungkinan daripada kepelatan orang Cina itulah perkataan 'Kerang' berubah menjadi '**Kelang**'. Akhirnya nama **Klang** terus kekal sehingga hari ini.

Sebelum nama Klang timbul, asal nama Klang ialah Pangkalan Batu. Nama itu timbul kerana di tempat perahu dan tongkang mendarat di bandar itu dahulunya telah dibina tangga batu bagi memudahkan pendaratan.

Pelabuhan Klang terletak kira-kira 9 kilometer dari bandar Klang. Pelabuhan ini ialah pelabuhan utama dan terbesar di Malaysia. Pelabuhan ini juga menjadi laluan penting bagi kapal-kapal perdagangan tempatan dan luar negeri. Selain itu, Pelabuhan Klang juga merupakan pusat perindustrian yang terpenting. Ini adalah kerana kedudukannya dekat dengan Kuala Lumpur.

Pada masa dahulu, Pelabuhan Klang adalah sebuah perkampungan kecil yang didiami oleh beberapa suku kaum. Kebanyakan penduduknya bekerja sebagai nelayan dan petani.

Sebelum Pelabuhan Klang mendapat nama, pelabuhan ini dikenali sebagai nama Kuala Klang. Kuala Klang mengambil sempena nama Sungai Klang yang menjadi pengangkutan utama bagi penduduk-penduduk ketika itu.

'Kuala' pula bermaksud air Sungai Klang yang mengalir menuju ke tempat tersebut. Panggilan kuala bukan sahaja terkenal di kalangan para penduduk tempatan, malah orang-orang luar pun turut menggunakan nama tersebut.

Walau bagaimanapun, setelah negara ini dijajah oleh orang-orang Inggeris, nama tempat itu ditukarkan kepada Port Sweettenham. Nama ini diambil sempena nama Sir Frank

Sweettenham, residen General Pertama di Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Beliau telah memajukan tempat itu dan dijadikan pelabuhan kerana lokasinya amat strategik.

Nama itu kekal sehinggalah Malaysia mencapai kemerdekaan pada tahun 1957. Kemudian nama itu ditukar dari Port Sweettenham kepada Pelabuhan Kelang. Menjelang tahun 1980-an, nama ***Pelabuhan Kelang*** ditukar kepada ***Pelabuhan Klang***. Bagaimanapun, sehingga kini ada juga penduduk tempatan masih menyebut Pelabuhan Klang sebagai 'kuala'.



## KAJANG

---

**B**andar *Kajang* merupakan bandar utama daerah Hulu Langat. Ia terletak kira-kira 25 kilometer dari Kuala Lumpur. Kajang lebih dikenali sebagai 'bandar sate' kerana sate yang dijual di sini sedap-sedap belaka.

Menurut cerita, asal-usul nama Kajang dikatakan diambil daripada suatu peristiwa yang berlaku pada suatu masa dahulu. Peristiwa itu ialah pembunuhan yang berlaku di dalam sebuah perahu beratap kajang yang sedang mengalir sungai.

Pada suatu hari, seorang pemuda Melayu telah menumpang perahu dagangan kepunyaan orang Banjar untuk mengalir sungai. Di dalam perahu itu berlaku sedikit perselisihan faham antara pemuda Melayu itu dengan salah seorang pemuda Banjar. Akhirnya, pemuda Melayu itu kalah apabila lelaki Banjar itu menikamnya dengan pisau belati.

Orang yang menyaksikan peristiwa itu sangat terkejut dengan pembunuhan itu. Mereka kemudiannya mendapatkan mayat pemuda Melayu itu untuk dikebumikan di situ. Kemudian

mereka menamakan tempat itu Kajang sempena peristiwa di bawah bumbung kajang itu. Sungai itu juga dinamakan Sungai Kajang.



## MASJID SULTAN SALAHUDDIN

---

**M**asjid *Sultan Salahuddin* ialah masjid negeri Selangor yang tercantik di Malaysia dan juga di Asia Tenggara. Bangunan ini dapat dilihat dari Lebuhraya Kuala Lumpur-Klang.

Masjid ini berharga RM 167 juta dan mula dibina pada tahun 1983. Masjid ini mula digunakan pada pertengahan tahun 1988 dan juga merupakan masjid yang termahal di negara ini.

Reka bentuk masjid ini diilhamkan oleh Datuk Baharuddin Kassim, seorang arkitek terkenal. Beliau mengambil masa hampir tiga tahun sebelum membina masjid ini. Masjid ini didirikan di kawasan seluas 1.6 hektar serta kawasan sekitarnya seluas 14.4 hektar. Seni bina masjid ini bercirikan seni bina Timur Tengah dan mempunyai ukiran-ukiran halus yang tinggi nilainya.

Kubah masjid ini berharga RM 19 juta dan dikatakan kubah masjid yang tertinggi kos pembinaannya di Asia Tenggara. Dengan ketinggiannya 301 meter, kubah raksasa ini merupakan

kubah yang terbesar di Asia Tenggara. Kubah ini direka oleh sebuah syarikat British, mempunyai keluasan 51 meter melintang. Rangkanya dibentuk daripada 13,845 tiub yang dicantumkan dengan campuran logam khas.

Sesuai dengan mutu dan harganya, reka bentuk kubah ini dibina melalui komputer. Lambang bulan sabit di puncaknya diperbuat daripada bahan berwarna emas dan berukuran tebal supaya dapat dilihat dengan jelas dari jarak jauh.

Masjid ini mempunyai empat menara yang sama tingginya, iaitu 1,374 meter dan sekaligus merupakan menara masjid yang tertinggi di Malaysia dan juga di dunia pada masa ini.

Bangunan masjid ini dilengkapi dengan segala keperluan dan kemudahan yang berbentuk moden. Antaranya termasuk ruang khas untuk upacara akad nikah.

Ruang dalam masjid ini dapat menampung kira-kira 15,000 hingga 25,000 jemaah. Masjid ini dikelilingi oleh taman tasik buatan manusia seluas 52.5 hektar.



## TAMAN TEMPLER

---

**Taman Templer** terletak kira-kira 21 kilometer dari Kuala Lumpur dan berhampiran dengan Hutan Lipur Kancing. Keluasan taman ini adalah kira-kira 1,214 hektar persegi.

Taman Templer telah dibuka pada 19 Mei 1954 oleh General Sir Gerald Templer iaitu Pesuruhjaya Persekutuan Tanah Melayu pada ketika itu.

Terdapat pelbagai jenis pokok di Taman Templer. Kebanyakan pokok yang terdapat di Taman Templer diletakkan tanda nama. Selain itu terdapat juga pelbagai jenis binatang, rama-rama dan bunga.

Di Taman Templer juga terdapat air terjun yang bertingkat-tingkat. Selain untuk berkelah, pengunjung juga dapat mendaki bukit di sekitar taman itu. Di sekitar kawasan ini terdapat lorong-lorong kecil untuk berjalan kaki dan bersiar-siar sambil melihat suasana di dalam hutan.



## BATU CAVES

**B**atu Caves terletak di Selayang, kira-kira 13 kilometer dari Kuala Lumpur. Kawasan batu kapur ini mempunyai beberapa gua yang besar. Di dalam gua ini terdapat sebuah kuil Hindu.

Walaupun Batu Caves terkenal di kalangan penganut Hindu sebagai tempat beribadat tetapi tempat ini tetap menjadi pusat tarikan pelancong.

Batu Caves ditemui kira-kira 100 tahun dahulu oleh seorang pencinta alam Amerika, William Hornaby. Untuk sampai ke gua ini kita terpaksa menaiki sebanyak 272 anak tangga sebelum tiba ke kuil. Anak tangga ini merupakan anak tangga batu yang paling banyak dan paling tinggi di negara ini. Anak tangga ini dibina sekitar tahun 30-an dan telah beberapa kali diperbaiki. Tangga batu ini dibina atas arahan K.Thambusamy, pengasas Batu Caves yang menggunakan seramai 50 orang buruh keturunan India. Arkitek pembinaan ini diketuai oleh seorang arkitek berbangsa Inggeris.



Batu Caves meliputi tiga buah gua utama dan beberapa buah gua kecil. Gua Kuil ialah gua yang terbesar dengan keadaan bumbungnya yang melengkung setinggi 100 meter.

Tidak berapa jauh dari gua itu ialah Gua Kelam yang panjangnya dua kilometer. Gua Kelam adalah rangkaian 'gua dara' yang kebanyakannya dihuni oleh pelbagai jenis binatang. Gua itu kini di bawah pengawasan Persatuan Pencipta Alam Malaysia dan tidak dibenarkan sesiapaupun memasukinya kecuali mendapat kebenaran daripada persatuan ini.

Di kaki bukit Batu Caves terdapat Gua Seni yang mempamerkan patung dan lukisan tentang mitologi Hindu. Untuk ke gua itu, pengunjung terpaksa melalui sebuah tasik.

Tarikan utama pengunjung ke Batu Caves adalah pada hari Thaipusam, ketika acara mengarak kavadi diadakan. Dalam bulan Februari setiap tahun, penganut-penganut agama Hindu datang ke kuil-kuil di sini untuk merayakan hari Thaipusam. Pada hari tersebut, ribuan penganut agama Hindu berpusu-pusu menuju ke puncak Batu Caves.

Apabila tiba berhampiran dengan sebatang sungai, mereka berhenti seketika untuk membaca doa, kemudian membasuh tubuh mereka sebagai syarat membersihkan diri untuk menemui Lord Subramaniam dan Lord Ganesh.

Selesai sahaja mereka membersihkan diri, mereka akan menyerahkan diri kepada Tuhan iaitu dengan mencucuk tubuh badan dengan dawai, lembing, jarum ataupun paku sebagai menebus dosa yang telah dilakukan oleh mereka sepanjang tahun.

Sepanjang jalan mereka akan menjerit 'veil, veil' sebagai memberikan semangat kepada mereka yang berada dalam keadaan tidak sedarkan diri itu.

Ribuan masyarakat India yang berpusu-pusu itu masing-masing membawa sebiji kelapa yang telah dibelah dua, beberapa kuntum bunga, bulu merak, kapur barus, lilin dan candana sebagai persembahan kepada Lord Subramaniam dan Lord Ganesh.

Di kemuncak perayaan itu setiap orang mempunyai niat untuk membersihkan diri mereka daripada dosa dan ada pula yang datang untuk membayar nazar.

Sebelum mereka menaiki tangga, mereka akan membaling kapur barus ke suatu kawasan yang kelihatan seperti unggun api. Setiap orang akan membaling beberapa kerat kapur barus dan api itu terus menyala hingga keesokan harinya.

Setelah tiba di atas, di mana terletaknya berhala Lord Subramaniam, mereka akan berasa lapang dan turun ke bawah dengan wajah berseri-seri.

Batu Caves juga terkenal dengan cerita legendanya iaitu Si Tanggang. Menurut cerita, pada masa dahulu terdapat sebuah keluarga miskin yang mempunyai seorang anak bernama Tanggang. Sejak kecil Si Tanggang memang nakal. Bapanya meninggal dunia sejak dia masih kecil. Dia sering melawan cakap ibunya. Walaupun dia nakal tetapi ibunya tetap sayang kepadanya kerana Si Tanggang adalah satu-satu anaknya.

Kenakalan Si Tanggang terbawa-bawa sehingga dewasa. Walau bagaimanapun, Si Tanggang agak pintar. Dia suka berburu, sama seperti ayahnya. Setiap kali pulang dari berburu, dia tidak pernah pulang dengan tangan kosong. Si Tanggang akan menyuruh ibunya memanggang hasil buruannya kerana beliau amat gemar akan daging panggang.

Tidak jauh dari perkampungan Si Tanggang itu terdapat sebatang sungai yang kini dikenali sebagai Sungai Gombak. Pada masa itu, Sungai Gombak sangat besar seolah-olah seperti lautan.

Pada suatu hari, sebuah kapal dagang berlabuh di Sungai Gombak di pinggir kampung itu untuk mendapatkan bekalan air. Ketika itu, Si Tanggang sedang berada di sungai itu. Nakhoda kapal itu sangat tertarik dengan kecekapan Si Tanggang mengemudi perahu.

Oleh itu, nakhoda kapal itu mempelawa Si Tanggang menaiki kapalnya. Akhirnya, Si Tanggang bersetuju untuk mengikuti nakhoda itu belayar. Si Tanggang hanya memberitahu ibunya

tentang hasratnya itu pada hari terakhir sebelum kapal itu belayar. Ibunya tidak dapat menghalang kehendak anaknya itu.

Belayarlah Si Tanggang meninggalkan ibunya yang sudah tua. Setelah beberapa lama berada di sisi nakhoda itu, Si Tanggang menjadi seorang ahli pelayaran yang cekap. Akhirnya Si Tanggang menjadi nakhoda dengan gelaran Nakhoda Tanggang.

Dalam pelayaran itu Si Tanggang singgah di sebuah negeri. Di negeri itu mempunyai seorang puteri yang sangat cantik. Akhirnya, Si Tanggang berkahwin dengan puteri itu.

Si Tanggang tidak memberitahu latar belakang dirinya yang sebenar kepada isterinya. Dia berasa malu sekiranya isterinya mengetahui bahawa beliau berasal dari keluarga yang miskin.

Pada suatu hari, kapal Si Tanggang dipukul ribut. Kapal itu akhirnya terdampar di tebing sebatang sungai. Tempat itu ialah kampung asal Si Tanggang.

Apabila ibunya mendengar ada sebuah kapal berlabuh, ibu Si Tanggang segera berlari ke pelabuhan. Dia membawa bersama daging panggang kegemaran Si Tanggang. Dengan penuh harapan ibu Si Tanggang menaiki kapal itu untuk menemui anak yang amat dirindunya kerana sudah lama tidak berjumpa.

Disebabkan rasa malu untuk mengakui bahawa perempuan tua itu ibunya, Si Tanggang telah menolak ibunya ke dalam sungai. Terkapai-kapailah ibunya di dalam sungai itu. Akhirnya ibunya berjaya berenang ke tepi.

Ibunya sungguh sedih atas perbuatan anaknya itu. Dengan pilu dia memohon agar Tuhan membalas perbuatan anaknya. Sejurus kemudian, berlakulah ribut petir yang amat kuat. Tidak semena-mena kapal Si Tanggang pun bertukar menjadi batu. Kononnya batu itulah yang sekarang ini dikenali sebagai Batu Caves.

Kampung Nakhoda yang terletak berhampiran dengan Batu Caves dikaitkan dengan Si Tanggang. Nama kampung itu dikatakan diambil daripada nama gelaran Si Tanggang sewaktu bekerja sebagai nakhoda kapal.



## PANTAI MORIB

---

**Pantai Morib** merupakan tempat peranginan dan perkelahan yang terkenal di Selangor. Setiap hujung minggu dan hari-hari cuti am pantai ini menjadi tumpuan orang ramai.

Menurut cerita, pada masa dahulu Morib juga menjadi tumpuan orang Sumatera yang sedang dalam pelayaran. Di situ mereka berhenti untuk melepaskan kepenatan masing-masing setelah lama belayar. Sewaktu berhenti berehat, salah seorang daripada mereka bertanya akan nama tempat itu tetapi tidak seorang pun yang mengetahuinya.

Setelah semuanya selesai makan, mereka mula meninjau ke sekitar tempat itu. Mereka ingin menjadikan tempat itu sebagai tempat tinggal sementara. Mereka mendapati tempat itu sesuai untuk dijadikan tempat pendaratan bagi memudahkan mereka berulang-alik ke negeri asal mereka.

Ada pula di antara mereka yang berniaga di tempat itu. Barang dagangan mereka terdiri daripada kain songket, ukiran kayu, barangan perak dan tembaga. Antara barang jualan

mereka yang mendapat perhatian penduduk tempatan ialah dulang.

Orang Melayu sering menggunakan dulang sebagai kegunaan seharian, kenduri-kendara dan majlis perkahwinan. Dalam majlis perkahwinan, dulang tembaga yang berkaki akan diisi dengan pulut kuning. Di atas pulut kuning itu akan dipacakkan beberapa kuntum bunga telur sewaktu upacara bersanding dan berinai berlangsung. Persembahan bunga telur dan pulut kuning dengan menggunakan dulang tersebut itu dinamakan 'semerit'.

Tempat itu akhirnya popular kerana penduduk tempatan dapat membeli dulang semerit daripada orang Minangkabau. Lama-kelamaan tempat itu dipanggil Semerit. Sebutan Semerit kemudiannya diringkaskan kepada Morib sahaja dan kekal sehingga hari ini.



## JUGRA

**Jugra** ialah suatu kelompok perkampungan lama di daerah Kuala Langat. Jugra terletak kira-kira 45 kilometer dari bandar Klang.

Asal-usul Jugra dikatakan berasal daripada sebuah bukit iaitu Bukit Jugra. Perkataan Jugra dipercayai singkatan kepada 'Gunung Guru' iaitu nama asal Bukit Jugra.

Ada juga pendapat mengatakan asal-usul Jugra ialah daripada perkataan 'Tanjung Kera', yang akhirnya menjadi Jugra sahaja. Nama itu timbul kerana adanya seekor kera putih di situ. Kera yang aneh itu dijumpai oleh seorang pedagang Inggeris setelah kapalnya karam di kuala Sungai Jugra.

Jugra adalah sebuah tempat yang bersejarah di Selangor. Jugra pada zaman silamnya merupakan pusat pentadbiran kerajaan Selangor yang kedua selepas Bukit Malawati.

Sultan Selangor yang keempat iaitu Sultan Abdul Samad ialah sultan yang memulakan pentadbiran Jugra. Setelah mangkat, baginda digantikan oleh Sultan Alauddin Sulaiman

Shah.

Pada 7 Julai 1886, Bukit Jugra telah dipilih sebagai kawasan pemakaman kerabat diraja Sultan Selangor di Kuala Langat. Jenazah pertama yang disemadikan di situ ialah jenazah Almarhum Tengku Muda Musa iaitu putera sulung Sultan Abdul Samad, kemudian dituruti oleh kerabat diraja yang lainnya.

Bukit Jugra juga mempunyai tiga kemuncak yang sama tingginya. Kemuncak pertama dipenuhi dengan makam-makam diraja. Kemuncak kedua masih terdapat kesan-kesan bangunan lama dan kemuncak ketiga kedudukannya rapat ke pantai.

Pada masa dahulu, bukit ketiga ini dijadikan pelabuhan utama di Selangor. Sekarang bukit ketiga ini dijadikan penempatan angkatan Tentera Diraja Malaysia.

Di pekan Jugra hanya terdapat sebuah makam. Makam tersebut ialah makam Almarhum Tengku Abdullah yang mangkat pada bulan Februari 1898.

Selain itu, terdapat juga Istana Temasya yang letaknya di Kampung Bandar. Mengikut sejarahnya, istana ini dibina dengan wang Sultan Alauddin Sulaiman Shah sendiri.

Istana ini juga dikatakan ada persamaan dengan Istana Raja Deli di Medan, Sumatera Utara dan Indonesia. Tahun pembinaannya juga hampir sama iaitu sekitar tahun 1899.

Istana kedua dinamakan Istana Jugra, tempat bersemayamnya Sultan Abdul Samad dan sultan-sultan kemudiannya yang menjalankan pentadbiran bagi negeri Selangor sewaktu itu.

Sultan Abdul Samad yang mula memerintah Selangor pada tahun 1859 terpaksa berdepan dengan pelbagai masalah yang sangat rumit. Antaranya adalah apabila berlaku perselisihan faham antara anak-anak raja Selangor yang masing-masing ingin berkuasa di daerah-daerah tertentu.

Pergaduhan juga sering berlaku antara puak-puak pelombong di Klang dan di Kuala Lumpur. Disebabkan oleh pergaduhan dan perselisihan yang sering berlaku inilah pihak Inggeris mencampuri urusan pentadbiran negeri Selangor.

Pada tahun 1974, Sultan Abdul Samad sendiri telah meminta supaya Selangor dimasukkan ke bawah naungan Inggeris. Pihak Inggeris telah menghantar seorang pentadbir yang bernama J.G.Davidson menjadi residen Inggeris yang pertama di Selangor. Beliau tinggal di Kuala Langat.

Pada tahun 1878, Kuala Lumpur telah dijadikan ibu negeri Selangor. Namun begitu Sultan Abdul Samad tetap bersemayam di istana baginda di Bukit Jugra. Ini menjadi masalah yang rumit bagi Inggeris yang mentadbir negeri Selangor.

Sultan Abdul Samad mangkat pada tahun 1878 dan Sultan Alauddin Sulaiman Shah telah dilantik bagi menggantikan baginda. Baginda telah berpindah ke Klang dan mendirikan Istana Kota di Klang. Dengan itu Istana Jugra telah ditinggalkan.

Dalam Sejarah Melayu, karya Tun Seri Lanang mengatakan bahawa Jugra telah wujud sejak zaman Sultan Mansur Shah, sultan Melaka. Jugra juga disebut sebagai tempat untuk mendaratkan kapal-kapal Hang Tuah dalam pelayaran ke Benua Keling dan Arab.

Semasa itu Jugra adalah sebuah pelabuhan bagi memunggang hasil di persekitaran Jeram dan Banting di Selangor. Ketika itu Jugra terkenal sebagai pelabuhan dagang selain daripada Melaka.

Menurut cerita, sebaik sahaja Hang Tuah dapat mendarat di situ didapatinya banyak orang berkampung. Sewaktu beliau tiba di situ, ada orang sedang menyabung ayam. Hang Tuah tidak melepaskan peluang untuk mencuba melagakan ayam jantannya yang bernama Jago.

Hang Tuah memenangi pertandingan itu. Walau bagaimanapun, Jago dikatakan terlepas dan lari ke hutan. Pengikut Hang Tuah cuba mencarinya tetapi mengalami kegagalan.

Sejarah Melayu juga menyebut, perahu layar yang dinaiki oleh Hang Tuah itu karam dilanda ribut dan terhempas di Pantai Jugra. Itulah sebabnya hingga kini masih terdapat kesan-kesannya.





## JERAM

---

Selain daripada Kuala Selangor dan Permatang, sebuah lagi penempatan tertua di Kuala Selangor ialah *Jeram*. Jeram merupakan sebuah jajahan takluk Kerajaan Melayu Melaka pada zaman pemerintahan Sultan Muzaffar Shah.

Semasa Melaka mencapai keagungannya di bawah pemerintahan Sultan Mansur Shah, Bendahara Tun Perak dan Laksamana Hang Tuah telah menghantar salah seorang putera baginda hasil perkongsian hidup dengan Hang Li Po bernama Putera Seri Cina menjadi raja di Jeram.

Jeram merupakan sebuah pekan kecil ke selatan Kuala Selangor. Jeram juga merupakan sebuah mukim yang meliputi beberapa buah kampung.

Terdapat beberapa pendapat tentang asal-usul nama Jeram. Ada pendapat mengatakan bahawa Jeram bukan berasal daripada perkataan jeram atau air terjun. Ini adalah kerana di kawasan tersebut tidak terdapat air terjun.

Jeram berasal daripada sebatang pokok yang besar dan berdaun rimbun. Pokok yang menjeram tingginya ini hidup subur berhampiran pantai. Pokok inilah yang dijadikan pedoman oleh kapal-kapal yang lalu-lalang di Selat Melaka apabila mereka hendak masuk ke pelabuhan tersebut.

Disebabkan terlalu tinggi dan rimbun, pokok ini akan mengeluarkan bunyi yang menggerunkan apabila ditiup angin. Selain daripada itu, pokok ini juga mendatangkan bunyi menderam. Daripada bunyi itulah asalnya nama Jeram.

Pendapat lain pula mengatakan bahawa nama Jeram adalah daripada keadaan di Bukit Jeram. Bukit ini ditumbuhi dengan pokok-pokok kayu yang cantik susunannya. Apabila dipandang dari jauh atau dilihat dari laut, seolah-olah seperti air terjun rupanya. Di samping itu bunyinya akan menderam apabila ditiup angin.

Pendapat lain pula mengatakan bahawa seramai tujuh orang dari Riau yang diketuai oleh Raja Jumaat telah pergi mencari seorang ulama yang sedang bertapa di atas sebuah bukit bernama Jeram. Sebagai pedomannya Jeram itu ada seponon pokok kayu yang sangat besar, tidak terdapat di tempat-tempat lain. Apabila rombongan itu melalui pantai di situ, mereka ternampak pokok yang dikatakan tadi, lalu mereka bersinggah dan naik ke darat. Malangnya orang yang dicari tidak ditemui.

Bagi mengelakkan rasa malu hendak pulang atas kegagalan mereka, ketujuh-tujuhnya pun mengambil keputusan meneroka sahaja tempat itu. Semasa lalu di bawah pokok itu, kedengaran suatu bunyi menderam. Lalu tempat itu dinamakan Jeram.

Di Jeram terdapat beberapa kesan sejarah. Antaranya ialah Bukit Jeram. Bukit ini jika dipandang dari jauh akan menyerupai seekor singa jantan sedang tidur dan sepasang kakinya ke hadapan.

Bukit ini pernah dijadikan kubu pertahanan Raja Mahadi ketika menentang Tengku Kudin. Dalam tahun itu juga bukit ini dijadikan markas menyimpan peluru dan makanan dalam suatu usaha Raja Mahadi untuk merampas Kuala Selangor dari Raja Musa.

Dalam tahun 1942, sewaktu Jepun menduduki negeri ini, Bukit Jeram dijadikan markas tentera Jepun.



## PERMATANG

---

**P***ermatang* merupakan sebuah mukim yang bersejarah. Permatang ditadbirkan oleh seorang penghulu. Kedudukannya adalah di seberang Sungai Selangor, tidak jauh dari pekan Kuala Selangor.

Di mukim Permatang itu terdapat dua buah kampung iaitu Kampung Permatang dan Hujung Permatang serta beberapa buah kampung lain.

Perkataan Permatang adalah berasal daripada keadaan tanah di tempat itu yang berpasir dan keras. Di Permatang inilah terdapat seorang pembesar daerah yang digelar Datuk Penggawa Paduka Mahabijaya. Pada mulanya gelaran ini diberikan kepada seorang yang bernama Cik Nek tetapi beliau menolak.

Inilah yang menyebabkan jawatan penggawa itu didatangkan dari Jeram kemudiannya ditempatkan di Permatang. Penggawa pertama bernama Datuk Haji Ahmad bin Baba.

Di Permatang terdapat sebuah bukit iaitu kubu pertahanan Kerajaan Melayu dahulu yang kemudiannya dijadikan perkampungan keluarga diraja. Dari situlah datangnya nama Bukit Raja.

Tetapi kini tidak banyak lagi kesan sejarah yang terdapat di atas bukit itu. Yang tinggal hanya beberapa buah pusara lama. Salah satu daripadanya tertulis perkataan Raja Ibrahim. Nyatalah makam itu kepunyaan cucu Sultan Salehuddin iaitu Sultan Selangor pertama.

Di sebelah makam itu terdapat pula sebuah pusara wanita bernama Zabedah. Mengikut cerita, Zabedah ialah orang kebanyakan tetapi ada kaitan rapat dengan kedudukan Sultan Selangor. Selain daripada pusara-pusara itu, terdapat juga sepucuk meriam buatan tangan. Meriam ini dijumpai terkambus di dalam lumpur di tepi Sungai Selangor berdekatan dengan tambatan perahu di Pasir Penambang sekarang ini.

Meriam yang ditemui itu diletakkan ke atas Bukit Raja. Di kaki bukit itu juga terdapat sebuah bangunan Sekolah Kebangsaan Kuala Selangor yang dibina pada tahun 1891; dipercayai sekolah tertua di daerah ini.

Di kemuncak Bukit Raja ini terdapat longgokan batu-batu pejal. Kemungkinan inilah yang dijadikan tembok pertahanan mereka menghadapi serangan musuh pada masa dahulu.

Di bukit ini juga ditemui pusara Datuk Syahbandar Haji Ali Agbar, salah seorang syahbandar yang dilantik oleh sultan. Selain itu terdapat pusara Datuk Perang Sagaf, seorang panglima perang Selangor yang handal, pusara Datuk Maharaja Lela Husein dan Keramat Engku Haji, seorang warisan sultan.

Semasa Bukit Raja menjadi perkampungan kerabat diraja, Sultan Alauddin Sulaiman Shah juga membuat sebuah rumah kediaman salah seorang isterinya di Permatang. Baginda dikatakan tinggal di kampung tersebut di antara tahun 1939-1945. Apabila baginda mangkat, baginda dimakamkan di situ.



## SABAK BERNAM

---

**S***abak Bernam* adalah sebuah daerah di Selangor. Sabak Bernam dikatakan berasal daripada Sahabat Bernam. Ini adalah kerana tempat itu diterokai oleh enam orang sahabat. Lima daripadanya lelaki dan seorang perempuan.

Keenam-enam sahabat ini berketurunan Bugis. Mereka memudiki Sungai Bernam kerana hendak ke hulunya. Ketika itu tanah di kiri dan kanan sungai itu ditenggelami air laut kecuali di beberapa kawasan tanah tinggi seperti busut.

Di tempat inilah mereka membuat pondok. Sebagai usaha hendak memasak makanan, mereka menggunakan tungku iaitu dengan longgokan tanah liat di sekelilingnya dan dilubangkan di bahagian tengahnya sebagai tempat meletakkan api. Di sudut lain dilubangkan juga untuk menyorongkan kayu api.

Dapur yang menyerupai tempat orang memasak nira kelapa untuk dijadikan gula kelapa itu dinamakan sabak, yang dipunyai oleh enam orang itu. Sebab itulah tempat itu dinamakan Sabak

Jenis-jenis burung yang dapat dilihat antaranya ialah burung pekak, helang merah, pucong dan bangau. Selain itu, terdapat juga ketam paya yang terdiri daripada pelbagai jenis dan warna di taman ini. Taman ini juga sering dijadikan tempat penyelidikan dan kajian tentang kehidupan dan tumbuhan paya.



## KOTA RAJA MAHADI

---

**K**ota Raja Mahadi terletak di Bukit Kota di bandar Klang. Kota ini merupakan sebuah pintu gerbang kota. Kota bersejarah ini berkait rapat dengan sejarah bandar Klang. Pada masa dahulu, daerah Klang menjadi rebutan antara Raja Mahadi dengan Raja Abdullah.

Pergaduhan antara orang-orang Melayu Sumatera (orang Batu Bahara) dengan Melayu Bugis di kubu Datuk Bandar Yasih di Ampang, Kuala Lumpur pada tahun 1866, merupakan retak menanti belah Raja Mahadi dengan Raja Abdullah di Klang.

Sakit hati dan dendam Raja Mahadi terhadap Raja Abdullah membakar semula apabila Muhammad Akib, orang Batu Bahara memberitahu Raja Mahadi bahawa beliau bersedia memberi bantuan sekiranya Raja Mahadi hendak memerangi Raja Abdullah.

Muhammad Akib tidak puas hati kerana Raja Abdullah tidak mahu menjatuhkan hukum 'balas darah' kepada orang Bugis yang telah menikam mati seorang penduduk Batu Bahara

dalam suatu perkelahian.

Dengan pengakuan Muhammad Akib itu, mulalah Raja Mahadi bersedia hendak membalas dendamnya terhadap Raja Abdullah, sepupunya yang berkuasa di Klang. Raja Abdullah telah diberi kuasa oleh Sultan Abdul Samad untuk menguasai dan memerintah Klang. Dengan daya usahanya membawa pekerja lombong orang Cina, Raja Abdullah dapat mengeluarkan hasil bijih timah yang lumayan dari Klang.

Raja Mahadi mula iri hati kerana kekayaan dan kekuatan Raja Abdullah bertambah walaupun beliau turut mendapat bayaran sagu hati setiap bulan daripada Raja Abdullah.

Jadi apabila berlaku perselisihan faham antara Bugis dengan orang-orang Batu Bahara dan apabila Raja Abdullah tidak mahu menghukum orang Bugis, Raja Mahadi mengambil kesempatan untuk membalas dendam. Maka tercetuslah Perang Klang pada tahun 1866, antara Raja Mahadi dengan Raja Abdullah.

Raja Mahadi disokong oleh orang Sumatera (orang Batu Bahara) manakala Raja Abdullah dan anak-anaknya Raja Ismail serta Raja Hassan disokong oleh orang Bugis. Walau bagaimanapun, pada awal peperangan itu penduduk tempatan tidak mengambil bahagian.

Pada masa itu Raja Mahadi tinggal di atas bukit yang sekarang ini masih terdapat sebuah pintu kota, Kota Raja Mahadi, berhampiran dengan Majlis Perbandaran Klang. Kota itu menghala ke Sungai Klang, tidak jauh dari Jambatan Kota.

Kedudukan Kota Raja Mahadi amat strategik. Kota ini dibina di atas bukit, tidak jauh dari sungai. Sebarang kapal dan perahu yang hendak mudik ke Pangkalan Batu dan ke Gudang Raja Abdullah dapat disekat dengan senang.

Untuk muslihat perangnya, Raja Mahadi telah mengambil meriam dan bedil di Kubu Kuala Selangor tetapi meriam itu tidak dapat digunakan kerana telah lama. Untuk memperkuatkan lagi kedudukannya, Raja Mahadi telah meminta bantuan daripada Baba Tek Cheng. Baba itu telah



dijanjikan dengan tanah seluas mungkin apabila Raja Mahadi menang dalam peperangan itu nanti.

Peperangan pun berlaku dan berlarutan selama kira-kira enam bulan. Dengan kedudukannya yang strategik, orang-orang Raja Mahadi telah membedil semua kapal yang masuk ke gudang Raja Abdullah. Akhirnya orang-orang Raja Abdullah yang berada di bawah kawalan anaknya, Raja Ismail dan Raja Hassan telah mengalami kekurangan makanan.

Raja Ismail mencari helah kononnya menyerah kalah kepada Raja Mahadi lalu meminta kebenaran keluar dari gudang itu. Raja Ismail pun keluar untuk mendapatkan bantuan daripada ayahandanya, Raja Abdullah yang berada di Melaka pada masa itu untuk mendapatkan bekalan wang dan lain-lain.

Raja Mahadi sebelum ini tidak membayar cukai bulanan kepada Sultan Abdul Samad yang tinggal di Langat. Ini telah menimbulkan kemarahan kepada Sultan Abdul Samad.

Perang yang mulanya berlaku antara Raja Abdullah dengan Raja Mahadi, kini telah berkait pula dengan Sultan Abdul Samad. Sultan Abdul Samad mengambil tindak balas dengan memberikan kuasa kepada menantunya, Tengku Kudin untuk menguasai Klang.

Maka tercetuslah Perang Klang antara Raja Mahadi dengan Raja Ismail. Dalam perang tersebut, Raja Ismail dibantu oleh Tengku Kudin dan orang-orang dari Kedah. Raja Mahadi diserang dari arah sungai dan darat dengan hebatnya.

Akhirnya setelah beberapa bulan terkepung dan makanan semakin kurang, Raja Mahadi dengan diam-diam mengundurkan diri dari Klang dan pergi ke Kuala Selangor. Akhirnya orang-orang Raja Mahadi pun menyerah kalah dengan syarat semua kanak-kanak dan orang perempuan tidak diapa-apakan.

Maka jatuhlah kota Raja Mahadi ke tangan Tengku Kudin. Ini terjadi dalam bulan Mac 1870, setelah berlaku pengepungan dan serangan kira-kira enam bulan lamanya.

Sultan Abdul Samad telah menyerahkan kuasa pemerintahan Klang kepada Tengku Kudin. Kota Raja Mahadi pula dijadikan benteng pertahanan Tengku Kudin yang kuat. Selepas peperangan dan kacau-bilau tamat, Kota Raja Mahadi tidak lagi menjadi penting.



## KOTA BUKIT TANJUNG KERAMAT

---

**K**ota *Bukit Tanjung Keramat* dibina oleh Sultan Muhammad pada tahun 1830. Sebahagian besar kota ini dibina daripada tanah. Reka bentuknya seolah-olah kubu pertahanan yang kukuh.

Puncak Bukit Tanjung Keramat itu ditebuk sedalam kira-kira 3 meter supaya berlekuk seolah-olah kolam. Di sekelilingnya bertembok dan bertebing tanah setebal 2.5 meter. Di atas tembok tersebut ditanamkan pula dengan pokok. Selain itu di tembok-tembok kota juga diletakkan beberapa pucuk meriam. Setelah Belanda menduduki Kuala Selangor, meriam-meriam ini ditambah lagi untuk menguatkan pertahanan.

Jika berdiri di tebing kota ini jelas kelihatan kuala Sungai Selangor dan kalau dipandang dari luar, jelas kota ini mempunyai dua tingkat.

Kota yang mempunyai dua pintu ini berbentuk empat persegi bujur. Salah satu daripada pintunya selebar 7 meter menghala ke utara. Lorong dari pintu ini melengkok pula ke timur menuju

ke tangga untuk turun ke Pangkalan Bagan pasir. Inilah pintu utama kota tersebut.

Sebuah pintu lagi yang lebih kecil menghala ke timur. Pintu ini dikatakan pintu kecemasan yang membolehkan tentera di dalam kota itu keluar untuk pergi membawa berita ke Kota Malawati. Semasa Belanda menawan Kuala Selangor, kota ini telah dinamakan Fort Utrecht sempena nama kapal mereka.



## MAKAM-MAKAM RAJA

---

**K**uala Selangor dikenali sebagai tempat bersejarah kerana di sinilah bermulanya persemayaman Sultan Selangor. Di atas Bukit Malawati atau Bukit Selangor berhampiran dengan Kota Malawati terdapat banyak makam diraja.

Kedudukan makam-makam ini adalah di dalam sebuah bangunan yang berbentuk seperti masjid kecil. Bangunan ini mempunyai keluasan kira-kira 13 X 10 meter, berdinginkan batu dan dihiasi dengan tingkap cermin. Bangunan ini telah diperbaharui dalam tahun 1976 dan siap pada akhir tahun 1977. Bangunan ini dirasmikan oleh DYMM Sultan Abdul Aziz Salahuddin Shah Ibni Almarhum Hishamuddin Alam Shah.

Struktur asal bangunan ini merupakan sebuah kepingan bersimen setinggi 1.2 meter dan separuh lagi berjerejak besi bulat setinggi 1.2 meter juga. Antara beberapa buah makam yang terdapat di dalam bangunan ini termasuklah tiga makam Almarhum sultan yang pernah memerintah negeri Selangor pada masa dahulu. Makam ini diturap dengan batu marmar

kuning dan putih. Pada setiap makam tertulis keterangan tentangnya.

Pada penghujung tembok sebelah kiri yang merapati ke dinding, terdapat sebuah pusara berbatu nisan kecil bulat bersegi yang diperbuat daripada batu pejal bercanai halus. Ini ialah makam Almarhum Sultan Salehuddin iaitu Sultan Selangor yang pertama. Baginda mangkat pada tahun 1778. Di kanannya pula, terdapat sebuah lagi makam yang sama bentuk dan panjangnya. Ini ialah makam Almarhum Sultan Ibrahim yang mangkat pada tahun 1826.

Di hujung kepala makam Sultan Salehuddin itu terdapat pula sebuah makam yang di dalamnya tegak dua ketul batu nisan. Batu nisan ini terukir awan larat Melayu lama. Bentuknya menyamai batu nisan yang terdapat di makam-makam lama Kampung Kota, Beruas, Perak. Antara ketiga-tiga makam itu, batu nisan inilah yang terbesar. Makam ini ialah makam Sultan Muhammad yang mangkat pada tahun 1857.

Di sisi bangunan ini terdapat pula sebuah pusara sepanjang kira-kira 2 meter yang tertulis dengan kata-kata 'Panglima Tidak Bernama'. Ada setengah-setengah pihak mengatakan makam ini ialah makam Panglima Hitam, seorang panglima yang handal di Selangor.

Semasa hayatnya beliau merupakan pengawal keselamatan kepada Sultan Ibrahim dan Sultan Muhammad. Malah beliau juga adalah salah seorang panglima Selangor yang turut menghalau Belanda dari Selangor dalam tahun 1785.

Pada makam ini terdapat batu nisan yang berukir indah menyerupai hulu keris. Jenis batunya pula ada persamaan dengan batu nisan Sultan Muzaffar Shah III, Kedah.

Lebih kurang 5 meter ke selatan dari makam diraja ini terdapat pula sebuah bangunan kecil. Di dalamnya terletak sepucuk meriam yang dikenali dengan nama Meriam Peggawa. Meriam ini dikatakan timbul dengan sendirinya dari dalam lumpur di tepi Sungai Buluh dalam tahun 1961.

Di hujung halaman istana sultan, terdapat suatu kawasan tanah lapang. Setelah menuruni tiga anak tangga, terdapat seketul batu pejal empat persegi. Batu ini beralaskan longgokan tanah pasir. Jika dipandang sekali imbas, tiada siapa mempercayai tanah pasir yang peroi itu dapat menampung ketulan batu sebesar itu. Batu ini dinamakan Batu Hampar; setengah-setengah orang menamakan batu pemancung.

Mengikut cerita, batu ini terletak di Kuala Selangor sebagai tambatan bahtera yang berlabuh. Disebabkan Sultan Ibrahim inginkan tempat berehat di luar istana untuk bermain congkak atau catur, batu itu diambil oleh seorang panglima bernama Nakhoda Omar dan diletakkan di tempat itu.

Pada suatu ketika, sultan murka pada seorang dayang dari istana yang dikatakan bermukah dengan seorang jejaka dari luar istana. Sultan menghukum pancung dayang itu di atas batu itu.

Kira-kira 120 meter ke timur batu hampar ini, terdapat sebuah busut setelah menuruni beberapa anak tangga. Busut yang dibina daripada tanah setinggi 5 meter ini dikenali sebagai Busut Malawati. Busut ini dibina pada zaman Sultan Ibrahim. Tujuannya adalah untuk dijadikan tempat berehat sultan dan raja-raja dari negeri lain yang datang melawat ke Kuala Selangor.

Selain itu, busut ini juga bertujuan untuk menyimpan harta-benda kerajaan ketika itu. Di perut busut ini terdapat sebuah gua yang dikatakan masih terdapat harta dan juga senjata-senjata lama.

Tidak jauh dari situ juga terdapat suatu tempat bernama 'Telaga Tujuh'. Ini adalah kerana terdapat tujuh buah telaga di situ. Walau bagaimanapun setelah adanya bekalan air paip yang dipamkan ke atas bukit itu, telaga-telaga itu telah pun ditimbus, kecuali tinggal dua buah sahaja.

Menurut cerita, air telaga ini tidak pernah kering walaupun kemarau panjang. Selain itu airnya tidak pernah susut walau sebanyak mana digunakan.



## KERAMAT ANAK DARA

---

**D**i Kuala Selangor terdapat sebuah kisah legenda iaitu tentang *Keramat Anak Dara* atau Keramat Rubiah. Keramat itu terletak di atas Bukit Keramat.

Menurut cerita, Keramat Anak Dara atau Keramat Rubiah berasal daripada seorang gadis bernama Rubiah dari Kampung Ulu Tiram di pinggir Sungai Selangor.

Rubiah telah dipaksa berkahwin dengan seorang jejaka pilihan orang tuanya. Walaupun hatinya tidak merelakan perkahwinan itu tetapi dia terpaksa menurutinya.

Pada malam perkahwinan akan berlangsung, para hadirin telah berkumpul. Tidak berapa lama kemudian, pengantin pun sampai. Tiba-tiba semua lampu yang ada di dalam rumah padam serentak menyebabkan orang ramai yang ada di majlis itu tergepar.

Setelah lampu dinyalakan semula, didapati Rubiah telah hilang dari rumah. Majlis perkahwinan itu pun terpaksa

dibatalkan. Beberapa pasukan yang terdiri daripada orang-orang kampung keluar mencari Rubiah. Malangnya segala usaha mereka itu gagal.

Dalam kesibukan mereka mencari Rubiah, ada seorang nelayan memberitahu bahawa dia melihat sebuah perahu hanyut ke hilir. Walau bagaimanapun, dia tidak dapat memastikan sama ada gadis itu ialah Rubiah atau bukan. Ada gula yang mengatakan Rubiah berjalan kaki menuju ke bukit di hilir Sungai Selangor.

Seminggu kemudian, ibunya bermimpi bahawa Rubiah telah datang meminta supaya dia jangan dicari lagi kerana dia telah mendapat tempat yang diimpikannya selama ini, iaitu Bukit Keramat tadi.

Sebagai membuktikan bahawa dia berada di atas bukit itu, suatu rombongan telah pergi ke sana. Mereka telah bertemu dengan pakaian pengantin yang dipakai oleh Rubiah tersangkut pada dahan pokok besar di situ. Tanda-tanda inilah yang menyebabkan usaha mencari Rubiah dihentikan. Sejak itu, tempat tersebut dikenali dengan nama Keramat Rubiah atau Keramat Anak Dara.





## BUKIT MALAWATI

**B**ukit Malawati terletak di Kuala Selangor. Kini Bukit Malawati menjadi pusat peranginan. Berdiri di tepi puncak bukit itu mengarah ke kuala, kita akan nampak pemandangan kuala Sungai Selangor dan pantai yang luas.

Berpaling ke arah darat, terbentang tanah yang datar dan luas. Di bawah Bukit Malawati ialah pekan Kuala Selangor, iaitu di tepi sungai. Di bukit ini terdapat sebuah rumah rehat, sebuah banglo untuk Pegawai daerah Kuala Selangor dan sebuah rumah api. Di atas bukit ini, terdapat beberapa pucuk meriam lama menghala ke pekan Kuala Selangor. Manakala di tebing bukit menghala ke kuala terdapat beberapa pucuk meriam lama seolah-olah masih lagi mengawal kuala Sungai Selangor.

Tidak jauh dari Bukit Malawati yang mengarah ke kuala, ada sebuah bukit kecil iaitu Bukit Tanjung Keramat. Bahagian tebing Bukit Tanjung Keramat yang menghala ke laut berbatu dan tegak seperti dinding.

Bukit Malawati atau dikenali juga dengan nama Bukit Selangor telah mencatat nama dalam sejarah tanah air khususnya bagi negeri Selangor.

Pada kurun ke-18 dahulu, di atas bukit inilah terletakinya kubu yang kuat. Tujuannya adalah untuk mempertahankan negeri Selangor daripada musuh yang memasuki negeri itu melalui kuala sungai.

Sultan Selangor yang kedua, Sultan Ibrahim Shah yang memerintah dari tahun 1778 hingga 1826 telah mengarahkan sebuah kota dibina di puncak Bukit Malawati di Kuala Selangor sebagai kubu pertahanan yang kukuh.

Tujuan pembinaan kota ini adalah usaha untuk mengelakkan daripada serangan Belanda dalam pergolakan Johor-Riau dengan Belanda yang melibatkan Selangor kerana hubungan rapat di antara kedua-dua kerajaan.

Kota ini dibina dengan batu pejal yang tersusun dengan rapi. Hampir setengah daripada bukit tersebut bertembok batu dan dihiasi pula dengan beberapa pucuk meriam. Untuk mengelakkan keruntuhan, pokok-pokok jati dan sena ditanam berselang-seli sejauh 3 meter antara satu dengan yang lain.

Kota ini mempunyai pintu besar iaitu kira-kira 3 meter mengarah ke timur menuruni empat anak tangga menuju ke sebuah halaman. Dari halaman tersebut menuruni kira-kira 20 anak tangga yang diperbuat daripada batu pejal akan sampai ke sebuah busut yang dinamakan Busut Malawati. Pintu ini digunakan semasa upacara tertentu oleh sultan dan pembesar sahaja.

Pintu kedua pula terletak di tenggara berhampiran dengan rumah rehat sekarang. Pintu ini lebih kecil daripada pintu pertama, iaitu lebih kurang 2 meter lebarnya.

Pintu ketiga pula, mengarah ke barat laut. Pintu ini digunakan sebagai jalan keluar masuk dari kota pertahanan pertama di Bukit Tanjung Keramat. Pintu ini dilengkapi dengan beberapa pucuk meriam sepanjang kira-kira 2 hingga 5 meter yang dihalakan ke arah Kuala Selangor.

Pada kurun ke-18, telah berlaku peperangan yang hebat antara orang-orang Belanda yang berpusat di Melaka dengan orang-orang Selangor yang mempertahankan tanah airnya.

Dalam tahun 1758, Belanda yang berkuasa di Melaka telah membuat perjanjian dengan Sultan Salahuddin. Dalam perjanjian itu baginda membenarkan kapal Belanda masuk ke Kuala Selangor bagi perniagaan bijih timah. Kapal-kapal yang meminta izin dari Sultan Johor juga dibenarkan masuk berniaga. Pada ketika itu, Johor berbaik dengan Belanda.

Semasa Perang Anglo-Belanda pada tahun 1780 hingga 1784, kedudukan dan pengaruh Belanda menjadi lemah. Sultan Johor dan Riau berpakat melawan Belanda kerana hendak merampas semula Melaka daripada dikuasai oleh Belanda. Sultan Selangor pada masa itu ialah Sultan Ibrahim Shah, Sultan Selangor yang ke-2. Baginda telah menggantikan ayahanda baginda, Sultan Salahuddin telah menyebelahi Johor dan Riau.

Pada 13 Julai 1784, satu angkatan perang Belanda yang terdiri daripada 11 buah kapal besar dan beberapa buah perahu kepunyaan Raja Muhammad Ali dari Siak tiba di Selangor. Maka berlakulah peperangan antara Belanda dengan Sultan Ibrahim. Peperangan itu berlangsung selama hampir dua minggu. Banyak kerosakan yang menimpa kedua-dua buah kubu itu. Banyak juga nyawa yang terkorban. Akhirnya pada 2 Ogos 1784, kedua-dua kubu itupun jatuh ke tangan Belanda.

Sultan Ibrahim, anakanda Raja Nala, Sayid Jaafar dan lain-lain kerabat diraja sultan serta pembesar-pembesarnya telah mengundurkan diri ke Hulu Selangor. Kemudian baginda berundur pula ke Bernam dan dari Bernam baginda pergi ke Pahang. Di Pahang baginda mendapat bantuan daripada Bendahara Abdul Majid untuk merebut kembali Kuala Selangor.

Belanda yang telah menguasai Kuala Selangor telah melantik Raja Muhammad Ali dari Siak menjadi Raja Muda Selangor. Belanda juga membuat perjanjian damai dengan Raja Muhammad Ali demi memperkuat kubu di Kuala Selangor itu.

Selepas peperangan ini, Kota Malawati telah diperbaiki oleh Belanda dan dilengkapi dengan meriam-meriam yang lebih baik. Sebenarnya kubu di Bukit Malawati itu telah pun sedia didirikan oleh orang-orang Melayu. Orang-orang Belanda kemudian menamakan kubu di Bukit Malawati itu "Altingsburg", mengikut nama gabenor general Belanda pada masa itu iaitu Gabenor General Alting.

Kubu di Bukit Malawati itu diperkuatkan lagi dan kawasan di sekeliling bukit itu diterangkan supaya dapat melihat musuh yang datang dari darat dan laut.

Kemenangan orang-orang Belanda menawan Kuala Selangor tidak bermakna tamatnya peperangan, Sultan Ibrahim yang telah berundur ke Pahang telah mengumpulkan kekuatan baginda.

Pengikut-pengikutnya yang tinggal membuat serangan ke atas Belanda. Orang-orang Sultan Ibrahim tidak mengakui Belanda dan tidak mengakui Raja Muhammad Ali dari Siak sebagai raja mereka. Pihak Belanda cuba membuat perdamaian dengan pengikut Sultan Ibrahim tetapi gagal.

Pada 27 Jun 1785, setahun setelah baginda menguasai Kuala Selangor, peperangan meletus semula di Kuala Selangor. Sultan Ibrahim telah datang dengan dua ribu orang pengikutnya dari Pahang untuk merebut kembali Kuala Selangor. Angkatan Sultan Ibrahim telah berkubu di Permatang. Di sini, Sultan Ibrahim telah menambahkan lagi kekuatan baginda setelah bergabung dengan orang-orang Permatang.

Pada malam 27 Jun 1785, berlakulah peperangan hebat di Kuala Selangor. Serangan itu dilakukan secara mengejut. Peperangan secara berhadapan telah berlaku dalam keadaan gelap-gelita. Pada keesokan paginya, orang-orang Belanda terpaksa mengundurkan diri dari kedua-dua buah kubu itu dan melarikan diri dengan kapal. Maka pada 28 Jun 1785, Sultan Ibrahim dengan bantuan Pahang, telah berjaya menawan kembali Kuala Selangor serta Kota Malawati.

Mereka tidak sempat memusnahkan meriam serta alat-alat pertahanan di dalam kubu. Maka bersemayamlah Sultan Ibrahim di Bukit Selangor yang kini dikenali dengan Bukit Malawati. Manakala Tengku Nala, iaitu Raja Muda Selangor bersemayam di tanjung yang dipercayai Bukit Tanjung Keramat.



## GEDUNG RAJA ABDULLAH

---

**G**edung Raja Abdullah ataupun Gudang Raja Abdullah terletak di tengah-tengah bandar Klang. Bangunan ini sekarang berdiri tegak sebagai sebuah monumen sejarah tempatan. Bangunan ini juga merupakan salah sebuah bangunan paling tua dan bersejarah di Klang dan kedudukannya juga agak berhampiran dengan tebing Sungai Klang.

Gedung Raja Abdullah mengambil sempena nama Raja Abdullah bin Raja Jaafar, kerabat diraja dari Lukut. Bangunan dua tingkat itu berlantai dan berdinginkan papan yang bermutu tinggi. Gedung Raja Abdullah dibina pada tahun 1857 oleh Raja Abdullah bin Raja Jaafar, yakni empat tahun setelah beliau dilantik menjadi pembesar Klang.

Setelah beberapa tahun pembinaannya, Gedung Raja Abdullah merupakan salah sebuah tempat pertemuan utama bagi pedagang-pedagang di Klang, sama ada yang datang dari luar ataupun pedagang tempatan.

Satu-satunya keistimewaan yang terdapat pada bangunan

ini ialah reka bentuknya. Bangunan ini berbentuk empat persegi memanjang seperti sebuah balai istana. Setiap bilik atau ruangnya pula mempunyai saiz yang berbeza antara satu dengan lain. Ini mungkin disebabkan gedung ini dibina berperingkat-peringkat.

Salah satu ruang atau bilik yang dipanggil dewan di tingkat atas gedung ini berbentuk memanjang sehingga 11 meter. Tidak terdapat sebarang tiang pun di tengah-tengah dewan ini melainkan di bahagian tepinya sahaja. Selain itu, salah satu daripada tangganya pula dibuat tanpa menggunakan paku.

Pada masa ini, di Gedung Raja Abdullah itu terdapat 13 lukisan besar yang menggambarkan sejarah Klang melalui Kesultanan Melayu Melaka pada tahun 1450, di mana peristiwa-peristiwa ini menjadi petunjuk terjunpanya Kuala Lumpur.

Sungai Klang terkenal sebagai sumber bijih timah yang berkualiti tinggi pada zaman silam. Walau bagaimanapun, perlombongan itu telah dihentikan lebih seabad lamanya. Percubaan oleh sultan-sultan terdahulu untuk menemui semula kawasan yang mengandungi timah tidak berjaya.

Apabila Raja Abdullah dilantik sebagai pemerintah Klang pada tahun 1853, beliau memutuskan untuk memulihkan tradisi lama. Beliau telah menghantar pencari-gali-pencarigali yang pakar dan berpengalaman. Mereka telah menemui sesuatu yang amat berharga di dalam hutan di kawasan yang dikenali sebagai Kuala Lumpur sekarang.

Apabila telah pasti dengan kejayaan itu, beliau membina rumah kediaman, gudang dan jeti di kiri dan kanan tebing Sungai Klang. Manakala pengiriman bijih timah yang pertama sampai di pasaran Singapura adalah pada tahun 1859.

Namun begitu, Raja Mahadi, cucu sultan berasa cemburu dengan kejayaan Raja Abdullah. Beliau telah membina kubu pertahanan di atas tanah tinggi berhampiran gedung itu. Askar-askar dikumpulkan dan beliau akhirnya menghalau Raja Abdullah serta kerabat dirajanya keluar pada tahun 1866.

Selepas itu Perang Saudara telah terjadi dan merebak hingga

ke Kuala Lumpur. Perang ini melibatkan dua kumpulan pelombong Cina, pendekar Melayu dari Indonesia, orang-orang sultan yang memerintah, Tengku Kudin dan pemerintah Pahang.

Pada tahun 1873, Raja Abdullah mangkat di Melaka. Raja Mahadi telah dibuang daerah ke Kuala Selangor dan kemudian ke Singapura. Beratus-ratus orang Melayu dan Cina mati dalam peperangan itu. Oleh itu, sultan telah meminta gabenor British di Singapura menghantar beberapa orang pegawai untuk membantu dalam pentadbiran dan perundangannya.

Klang menjadi pusat pentadbiran Selangor pada tahun 1874 dan pejabat kerajaan yang pertama telah dibuka di dalam Gedung Raja Abdullah. Pasukan polis di seluruh negeri diambil dan dilatih di Klang.

Jalan kereta api sejauh 32 kilometer dibina dari Klang ke Kuala Lumpur dan dirasmikan oleh sultan dengan diiringi oleh gabenor pada tahun 1886.

Kerajaan telah membeli gedung ini pada tahun 1877. Apabila tidak digunakan sebagai pejabat kerajaan, gedung ini menjadi Balai Polis Daerah. Setelah 99 tahun digunakan oleh pasukan polis Selangor, gedung ini dikosongkan apabila bangunan pejabat dan berek polis dibina di belakang gedung ini.

Sekarang Badan Warisan Malaysia telah mengambil alih pentadbiran dan pemeliharaan gedung ini yang mana mula menjadi tarikan beribu-ribu orang pelancong. Seterusnya gedung ini mendapat bantuan kewangan daripada kerajaan Negeri Selangor untuk dijadikan Muzium Mini Sejarah Tempatan.

Gedung Raja Abdullah telah dirasmikan sebagai Muzium Mini Sejarah oleh Sultan Selangor, Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Al-Haj pada 23 November 1985. Gedung ini merupakan bangunan paling tua di negara ini yang dijadikan sebagai muzium.

Walau bagaimanapun, Sultan Selangor mencadangkan supaya muzium ini dijadikan Muzium Timah, sejajar dengan kedudukannya di tengah-tengah bandar Klang yang terkenal sebagai pusat perlombongan bijih timah.

Gedung Raja Abdullah diwartakan sebagai Muzium Timah secara rasmi pada 1 Februari 1992. Pelbagai kaedah melombong seperti mendulang, pam kelikir dan lombong bawah tanah dipamerkan di muzium ini. Turut dipamerkan ialah jenis alat menimbang timah, mata wang tampang, jongkong, perhiasan seperti bejana, keris dan piala serta peralatan melombong timah seperti gerudi dan dulang.

Muzium ini juga dilengkapi dengan carta dan peta yang menunjukkan perkembangan kegiatan perlombongan bijih timah di Malaysia amnya dan Selangor khususnya.





## HUTAN LIPUR TEKALA

---

Selangor memang terkenal dengan pelbagai tempat menarik. Salah satunya ialah *Hutan Lipur Tekala* yang terletak di Hulu Semenyih, daerah Hulu Langat, kira-kira 24 kilometer dari pekan Kajang.

Kawasan hutan lipur ini terletak di bawah jagaan dan pengurusan Jabatan Perhutanan Negeri Selangor. Hutan Lipur Tekala ini mempunyai lebih daripada dua tingkat air terjun serta kolam mandi semula jadi yang mempesonakan serta kaya dengan flora dan faunanya.

Airnya yang jernih dan bersih amat sesuai untuk mandi-manda dan berkelah. Bagi pengunjung yang suka memancing pula, terdapat beberapa buah lombong yang menjadi tempat sesuai untuk mereka. Hutan Lipur Tekala juga dilengkapi dengan kemudahan asas dan juga gerai.

## PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM SELANGOR



### Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor

d/a Perpustakaan Raja Tun Uda

Persiaran Perdagangan, 40572 Shah Alam

Selangor Darul Ehsan.

Tel : 03-5597667/5597691/5597682/5597685/5597679

Fax: 03-5596045

### Waktu Perkhidmatan:

Isnin - 12.30 tengah hari - 6.00 petang

Selasa - Jumaat - 10.00 pagi - 6.00 petang

Sabtu - 9.30 pagi - 5.30 petang

\* Perpustakaan dibuka pada hari Ahad minggu pertama setiap bulan.

\* Perpustakaan ditutup pada hari Ahad dan cuti am.

## **PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM SELANGOR ORGINISASI**

Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS) telah ditubuhkan melalui Enakmen Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor 1968, telah diwartakan dalam Warta Kerajaan No. 5, bertarikh 27 Mac 1969 serta Warta Kerajaan No. 7, 1995 (pindaan).

PPAS ditadbirkan oleh satu Lembaga Pengarah yang ahlinya dilantik oleh Kerajaan Negeri Selangor. Penubuhan PPAS bermula dengan pengambilan alih Kuala Lumpur Book Club di Jalan Raja, Kuala Lumpur pada 20 Oktober 1971. Bangunan ini telah menjadi ibu pejabat PPAS sehingga ia berpindah ke bangunan sekarang di Perpustakaan Raja Tun Uda, Shah Alam.

Perpustakaan Raja Tun Uda juga merupakan perpustakaan yang mengendalikan perkhidmatan perpustakaan kepada penduduk Shah Alam dan kawasan sekitarnya. Ia telah dibuka kepada orang ramai pada 18 April 1987 dan telah dirasminya pada Mac 1988 oleh DYMM Sultan Selangor Darul Ehsan.

Sehingga kini PPAS mempunyai 8 buah perpustakaan cawangan, 13 perpustakaan bergerak dan 27 perpustakaan desa yang menyumbangkan perkhidmatan ke seluruh Negeri Selangor amnya.

Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor diketuai oleh Pengarah dengan dibantu oleh 8 Ketua Bahagian (Pustakawan) yang mengawasi Bahagian Pembangunan, Bahagian Kewangan dan Pentadbiran, Bahagian Perolehan, Bahagian Katalog, Bahagian Sokongan dan Seranta, Bahagian Edaran, Bahagian Rujukan dan Perkhidmatan Zon I dan Zon II

### **PERKHIDMATAN**

Fungsi utama penubuhan PPAS adalah untuk memupuk minat dan menggalakkan masyarakat mendekati diri kepada buku dan pembacaan. Dengan tujuan ini diharap peratusan masyarakat yang celik huruf akan meningkat demi menyahut wawasan kerajaan.

Antara perkhidmatan yang dikendalikan oleh PPAS:-

### **1. Perkhidmatan Pinjaman**

Setiap ahli perpustakaan layak meminjam 3 buah buku untuk jangka masa 3 minggu. Setiap pengguna perlulah membawa kad pinjaman untuk membuat pinjaman. Semua buku yang dipinjam perlulah dipulangkan sebelum atau pada tarikh tamat pinjaman.

### **2. Perkhidmatan Rujukan**

Koleksi ini merangkumi bahan seperti ensiklopedia, kamus, laporan tahunan dan bahan rujukan yang meliputi semua bidang perkara. Bahan-bahan ini digunakan untuk rujukan dalam perpustakaan sahaja.

### **3. Perkhidmatan Kanak-kanak**

Koleksi kanak-kanak mempunyai ruang yang dikhaskan dan terdapat bilik aktiviti yang mengendalikan semua aktiviti kanak-kanak seperti boneka, sudut bercerita, mewarna dan lain-lain.

### **4. Perkhidmatan Alat Pandang Dengar**

Koleksi ini merangkumi cakera padat, kaset, video dan kit. Bilik syarahan untuk tayangan juga disediakan untuk kemudahan pengguna menggunakan bahan-bahan tersebut di dalam perpustakaan.

### **5. Perkhidmatan Maklumat Masyarakat**

Perkhidmatan ini diberikan kepada individu yang ingin mendapatkan maklumat dengan cepat dan pantas. Maklumat yang merujuk kepada persekitaran dan bahan di perpustakaan.

### **6. Perkhidmatan Orang Cacat**

Terdapat koleksi braille, kanta pembesar, audio disediakan untuk golongan istimewa ini menggunakan kemudahan perpustakaan untuk tidak merasa ketinggalan dalam arus pembangunan negara dalam mendalami ilmu pengetahuan.

### **7. Koleksi Selangor**

Terdapat bahan-bahan cetak, artifak, gambar-gambar yang berkaitan dengan Negeri Selangor seperti pemerintah negeri, tokoh tempatan dan tempat bersejarah.

### **8. Koleksi Pendidikan**

Terdapat buku yang berhubungkait dengan pendidikan di negara dan akta pendidikan negara.

### **9. Koleksi Perindustrian dan Perdagangan**

Koleksi ini meliputi bidang industri dan perdagangan untuk memudahkan rujukan pengguna.

### **10. Koleksi Terhad**

Meliputi bahan yang berbentuk sensitif, kontroversi atau mahal untuk dipamerkan di rak. Bahan ini boleh dirujuk dengan mendapat kelulusan Pengarah Perpustakaan Negara.

### **11. Koleksi Tesis**

Koleksi ini merupakan koleksi tesis dari anak Negeri Selangor yang menuntut di institut pengajian tinggi.

### **12. Koleksi Akta**

Semua akta yang berkaitan dengan undang-undang negara dikumpul dalam koleksi ini untuk rujukan pengguna.

### **13. Bilik Surat Khabar**

Semua jenis surat khabar yang diterbitkan di Malaysia boleh didapati dan dibaca di ruang surat khabar.

### **14. Sudut Rekreasi**

Terdapat permainan yang boleh digunakan untuk menenangkan fikiran seperti permainan scrabble dan catur.

### **15. Perkhidmatan INTERNET**

Pihak PPAS tidak ketinggalan dalam menyediakan perkhidmatan INTERNET seiring dengan kepesatan teknologi maklumat masa kini.

### **16. Perkhidmatan 'Multimedia'**

Terdapat beberapa koleksi CD-ROM dalam berbagai tajuk yang boleh digunakan untuk pencarian maklumat dengan cara yang pantas dan tepat.

## Alamat Perpustakaan Cawangan

1. Perpustakaan Cawangan Sg. Besar  
Jalan Pejabat Daerah,  
45300 Sg. Besar,  
Selangor Darul Ehsan.  
Tel: 03-8842569  
Pegawai Bertanggungjawab: Encik  
Sarwani Abd. Jalal.
2. Perpustakaan Cawangan Tanjung  
Karang  
Tingkat 2, Bangunan PPAS,  
45500 Tanjung Karang,  
Selangor Darul Ehsan.  
Tel: 03-8798840  
Pegawai Bertanggungjawab: Cik  
Miskiah Sarban.
3. Perpustakaan Cawangan Klang  
Jalan Tengku Kelana,  
41000 Klang,  
Selangor Darul Ehsan.  
Tel: 03-3319429  
Pegawai Bertanggungjawab: En.  
Abd. Rahim Karim.
4. Perpustakaan Sultan Abdul Samad  
Jalan MORIB,  
42700 Banting,  
Selangor Darul Ehsan.  
Tel: 03-8671060  
Pegawai Bertanggungjawab: Encik  
R. Arumugham.
5. Perpustakaan Cawangan Kajang  
d/a Bangunan Dato' Nazir,  
43000 Kajang,  
Selangor Darul Ehsan.  
Tel: 03-8363006  
Pegawai Bertanggungjawab: Puan  
Azizah Hj. Mohd. Din.
6. Perpustakaan Cawangan Sepang  
JKR-1, Jalan Besar  
43900 Sepang,  
Selangor Darul Ehsan.  
Tel: 03-8842569  
Pegawai Bertanggungjawab: Puan Siti  
Normidah Basiran.
7. Perpustakaan Cawangan Kuala Kubu  
Baru  
Perpustakaan Syed Mashor,  
44000 Kuala Kubu Baru,  
Selangor Darul Ehsan.  
Tel: 03-8041542  
Pegawai Bertanggungjawab: Encik  
Rashid Jaafar.
8. Perpustakaan Cawangan Rawang  
JKR 374, Jalan Lim Kuk,  
48000 Rawang,  
Selangor Darul Ehsan.  
Tel: 03-6910751  
Pegawai Bertanggungjawab: Encik  
Khalid Bin Saidi.

## Perpustakaan Cawangan Sabak Bernam



### Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor

Cawangan Sabak Bernam

Jalan Pejabat Daerah,

45300 Sungai Besar,

Selangor Darul Ehsan.

Tel: 03-8842569

### Perpustakaan Cawangan Sabak Bernam

Perpustakaan ini telah ditubuhkan pada tahun 1977 di sebuah bilik kecil di Pejabat Daerah Sabak Bernam. Pada 1 Mac 1987, perpustakaan ini telah berpindah ke bangunan barunya berdekatan dengan Kompleks Pentadbiran Kerajaan Sungai Besar.

Perpustakaan ini telah melihatkan pertambahan pinjaman dan keahlian sejak dibuka pada tahun 1977. Kempen Membaca yang dianjurkan oleh Jawatankuasa Gerakan Membaca Daerah Sabak Bernam telah berjaya menjalankan peranan mereka. Sejumlah 9,292 jumlah buku ditambah setiap tahun ke dalam koleksi perpustakaan ini. Keahlian telah meningkat kepada 3,211 orang dengan jumlah pinjaman bahan bacaan sejumlah 108,465 naskah pada tahun 1995.

Antara perpustakaan desa yang terdapat di bawah pentadbiran perpustakaan cawangan ini ialah Perpustakaan Desa Bagan Nakhoda Omar, Perpustakaan Desa Pasir Panjang, Perpustakaan Desa Rancangan Tanah Baru 1, Perpustakaan Desa Sabak Bernam dan Perpustakaan Desa Bagan Terap.

## Perpustakaan Cawangan Tanjung Karang



### Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor

Cawangan Tanjung Karang  
Tingkat 2, Bangunan PPAS  
45500 Tanjung Karang  
Selangor Darul Ehsan.  
Tel: 03-8798840

### Perpustakaan Cawangan Tanjung Karang

Perpustakaan Cawangan ini telah memulakan perkhidmatan pada tahun 1983 di Tingkat 2 Wisma PKPS, Tanjung Karang. Pentadbiran keseluruhan bangunan ini telah diambil alih oleh PPAS pada tahun 1992. Sambutan terhadap perpustakaan ini sederhana.

Mengikut rekod pinjaman sejumlah 22,590 naskhah buku telah dipinjam dengan peningkatan keahlian seramai 949 orang.

Perpustakaan Desa yang berada di bawah pentadbiran perpustakaan cawangan ini terdiri daripada Perpustakaan Desa Bukit Badong, Perpustakaan Desa Ijok, Perpustakaan Desa Parit Mahang dan Perpustakaan Desa Sri Tiram Jaya.



## Perpustakaan Cawangan Klang



### Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor

Cawangan Klang,  
Jalan Tengku Kelana,  
41000 Klang,  
Selangor Darul Ehsan.  
Tel: 03-3319429

### Perpustakaan Cawangan Klang

Perpustakaan ini merupakan perpustakaan cawangan PPAS yang terawal. Bangunan perpustakaan ini telah diambil alih daripada Pustaka Peringatan Gurney. Pada tahun 1995 beberapa pengubahsuaian telah dilakukan terhadap perpustakaan ini kerana sambutan yang amat menggalakkan daripada pengguna di sekitar Klang. Perpustakaan ini mempunyai rekod keahlian dan pinjaman yang amat cemerlang berbanding dengan perpustakaan daerah/cawangan yang lain.

Sejumlah 60,070 bahan bacaan telah dipinjam sepanjang tempoh 1995 dengan pecahan kepada dewasa, remaja dan kanak-kanak. Manakala jumlah keahlian seramai 41,965 orang.

Perpustakaan desa yang berada di bawah pengawasannya ialah Perpustakaan Desa Sementa yang dibuka pada tahun 1985, Perpustakaan Desa Meru dan Perpustakaan Desa Pulau Indah.

Perpustakaan ini telah giat menjalankan aktiviti bagi semua golongan pengguna terutama kepada golongan kanak-kanak. Antara aktiviti seperti kraf tangan, boneka dan bercerita.

## Perpustakaan Cawangan Sultan Abdul Samad



### Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor

Perpustakaan Sultan Abdul Samad

Jalan Morib,

42700 Banting,

Selangor Darul Ehsan.

Tel: 03-8671060

### Perpustakaan Cawangan Sultan Abdul Samad

Perpustakaan daerah ini telah memulakan perkhidmatannya pada tahun 1973 bertempat di Taman Muhibbah, Banting. Kini bangunan yang tersergam indah terletak di Jalan Morib, telah memulakan khidmat kepada orang ramai pada tahun 1987. Sempena perasmiannya pada 15 Oktober 1991, DYMM Sultan Selangor telah berkenan menamakan dengan nama Perpustakaan Sultan Abdul Samad.

Pendaftaran keahlian sehingga kini berjumlah 3,339 orang dengan jumlah pinjaman bahan bacaan 32,062 bagi tahun 1995. Antara Perpustakaan desa yang dikendalikan ialah Perpustakaan Desa Olak Lempit, Perpustakaan Desa Kampung Endah, Perpustakaan Desa Sri Jugra dan Perpustakaan Desa Tanjung Sepat.

## Perpustakaan Cawangan Kajang



Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor  
Cawangan Kajang  
d/a Bangunan Dato' Nazir,  
43000 Kajang,  
Selangor Darul Ehsan.  
Tel: 03-8363006.

### Perpustakaan Cawangan Kajang

Perpustakaan ini telah dibuka pada tahun 1973, sambutan keahlian dan pinjaman amat menggalakkan. Perpustakaan ini terletak di Bangunan Dato Nazir, Kajang dan merupakan ibu pejabat perkhidmatan perpustakaan Zon II.

Jumlah keahlian yang berdaftar seramai 4,429 hingga ke hari ini, manakala jumlah pinjaman sebanyak 38,405 bahan sepanjang tahun 1995 dengan pecahan lebih kepada kanak-kanak iaitu 22,353 bahan, remaja 4,679 dan dewasa 11,373.

Pusat perkhidmatan desa yang dikendalikan seperti Perpustakaan Desa Batu 14, Hulu Langat. Sepanjang tahun 1995 berbagai aktiviti kanak-kanak diadakan. Antaranya seperti melukis, bercerita, mengarang esei, permainan pendidikan dan tayangan video.

## Perpustakaan Cawangan Sepang



**Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor**  
 Cawangan Sepang  
 JKR-1, Jalan Besar,  
 43900 Sepang,  
 Selangor Darul Ehsan.  
 Tel: 03-8842569.

### Perpustakaan Cawangan Sepang

Perpustakaan ini telah mula memberi perkhidmatannya kepada penduduk di daerah Sepang sejak tahun 1976. Bangunan perpustakaan merupakan bangunan yang telah lama dan uzur. Terdapat perancangan untuk membina bangunan baru dalam Rancangan Malaysia ke Tujuh (1996 - 2000). Berikutan daripada keuzuran bangunan, banyak perkhidmatan tidak dapat diadakan di perpustakaan ini.

Jumlah keahlian yang berdaftar sehingga ke hari ini seramai 2,033 orang dengan jumlah pinjaman bahan sebanyak 9,741 bagi tahun 1995. Perpustakaan desa yang berada di bawah kendaliannya seperti Perpustakaan Desa Jenderam Hilir dan Perpustakaan Desa Sungai Merab.

## Perpustakaan Cawangan Kuala Kubu Baru



### Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor

Perpustakaan Syed Mashor  
Cawangan Kuala Kubu Baru  
44000 Kuala Kubu Baru,  
Selangor Darul Ehsan.  
Tel: 03-8041542.

### Perpustakaan Syed Mashor Cawangan Kuala Kubu Baru

Perpustakaan ini telah memulakan perkhidmatan pada tahun 1975 di Dewan Merdeka, Kuala Kubu Baru. Bangunan baru untuk perpustakaan daerah ini telah dibuka pada 1 Julai 1992 dan majlis perasmian telah diadakan pada 21 Oktober 1994 oleh YAB Menteri Besar Selangor dan diberikan nama Perpustakaan Syed Mashor.

Jumlah keahlian baru perpustakaan ini seramai 2,228 orang dengan jumlah pinjaman bahan bagi tahun 1995 sebanyak 44,208 bahan.

Antara pusat perkhidmatan desa yang terdapat di sini seperti Perpustakaan Desa Sungai Masin, Perpustakaan Desa Hulu Bernam dan Perpustakaan Desa Sungai Selisek.

## Perpustakaan Cawangan Rawang

*Bangunan sedang dalam pembinaan.*

Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor  
Cawangan Rawang  
JKR 374, Jalan Lim Kak,  
48000 Rawang,  
Selangor Darul Ehsan.  
Tel: 03-6910751.

### Perpustakaan Cawangan Rawang

Perpustakaan Cawangan Rawang telah memulakan perkhidmatan pada tahun 1983. Ia terletak di pekan Rawang. Walaupun bangunannya agak uzur dan kecil namun ia dapat memainkan peranannya dengan sempurna.

Jumlah keahlian seramai 3,316 orang dengan jumlah pinjaman bahan sebanyak 14,928 bahan.

Berbagai aktiviti dikendalikan di perpustakaan ini seperti permainan catur, scrabble dan sahiba serta aktiviti untuk kanak-kanak. Pusat perkhidmatan desa yang dikendalikan seperti Perpustakaan Desa Kuang dan Perpustakaan Desa Gombak Batu 6 1/2.

## Perpustakaan Bergerak



### Perpustakaan Bergerak

Perpustakaan Bergerak merupakan salah satu perkhidmatan yang diadakan oleh Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS) bagi menyediakan perkhidmatan perpustakaan ke kawasan luar bandar di mana perkhidmatan perpustakaan cawangan atau desa tidak dapat disampaikan.

Perpustakaan bergerak adalah salah satu perkhidmatan perpustakaan yang dapat disampaikan ke seluruh pelosok Negeri Selangor. Perkhidmatan ini telah menjangkau usia 20 tahun bermula dengan sebuah van wokswagan pada tahun 1973. Kini PPAS telah mempunyai 13 unit perpustakaan bergerak terdiri daripada 9 unit bas mini dan 4 buah treler. Perpustakaan ini memberikan perkhidmatan di 128 tempat. Kebanyakan tempat-tempat perhentian adalah di sekolah, balai raya, surau dan pekan. Terdapat beberapa perhentian yang diberhentikan kerana telah dibina perpustakaan desa.

Sepanjang tahun 1995 jumlah keahlian yang berdaftar seramai 5,025 ahli yang menjadikan jumlah keseluruhan seramai 147,383 orang. Sejumlah 182,155 bahan telah dipinjam sepanjang tahun 1995. Kebanyakan buku-buku yang dipinjam di dalam Bahasa Melayu.

Bagi tahun 1995 sejumlah 24,466 naskah telah diperuntukkan untuk perpustakaan bergerak. Pecahan kepada 19,305 Bahasa Malaysia dan 5,161 Bahasa Inggeris.

Perkhidmatan Perpustakaan Bergerak ini akan diperluas dan diperkembangkan dengan penambahan unit-unit dan tempat-tempat perhentian yang baru mengikut kesesuaian.

## ALAMAT PERPUSTAKAAN DESA

- |   |  |
|---|--|
| 1. Perpustakaan Desa Sabak Bernam<br>Tingkat Atas, Dewan Tun Razak.<br>45200 Sabak Bernam,<br>Selangor Darul Ehsan. | 7. Perpustakaan Desa Kuang<br>Batu 18, Kuang<br>48000 Rawang,<br>Selangor Darul Ehsan.   |
| 2. Perpustakaan Desa Sungai Masin<br>44000, Batang Kali,<br>Kuala Kubu Baru,<br>Selangor Darul Ehsan.               | 8. Perpustakaan Desa Sungai Merab<br>Kg. Sungai Merab Tengah,<br>43000 Kajang,<br>Selangor Darul Ehsan.                            |
| 3. Perpustakaan Desa Sementa<br>Batu 6 1/2, Jalan Kapar,<br>42100 Klang,<br>Selangor Darul Ehsan.                   | 9. Perpustakaan Desa Bagan Terap<br>Pekan Bagan Terap,<br>Sungai Panjang,<br>45300 Sungai Besar,<br>Selangor Darul Ehsan.          |
| 4. Perpustakaan Desa Ijok,<br>Batu 8, Ijok,<br>45620 Batang Berjuntai,<br>Selangor Darul Ehsan.                     | 10. Perpustakaan Desa Hulu Bernam<br>Kg. Baru, Hulu Bernam,<br>35900 Tanjung Malin,<br>Selangor Darul Ehsan.                       |
| 5. Perpustakaan Desa Olak Lempit<br>Kampung Olak Lempit<br>42700 Banting,<br>Selangor Darul Ehsan.                  | 11. Perpustakaan Desa Semenyih<br>43000 Kajang,<br>Selangor Darul Ehsan.   |
| 6. Perpustakaan Desa Kampung Kubu<br>Gajah<br>Kg. Kubu Gajah,<br>47000 Sungai Buluh,<br>Selangor Darul Ehsan.       | 12. Perpustakaan Desa Sri Tirani Jaya<br>Kg. Sri Tirani Jaya,<br>45500 Tanjung Karang,<br>Kuala Selangor,<br>Selangor Darul Ehsan. |



13. Perpustakaan Desa Kg. Sungai Selisek  
Lot 4277, Kg. Masjid Sungai Selisek,  
44020 Kuala Kubu Baru,  
Selangor Darul Ehsan.
14. Perpustakaan Desa Sri Jugra,  
Kampung Sri Jugra,  
42700 Banting,  
Selangor Darul Ehsan.
15. Perpustakaan Desa Meru  
Dewan Serbaguna Meru,  
Pekan Meru,  
41050 Klang,  
Selangor Darul Ehsan.
16. Perpustakaan Desa Nakhoda Omar  
Simpang 4, Bagan Nakhoda Omar,  
45200 Sabak Bernam,  
Selangor Darul Ehsan.
17. Perpustakaan Desa Kg. Endah  
Kg. Endah,  
42700 Banting,  
Selangor Darul Ehsan.
18. Perpustakaan Desa Parit Mahang  
Kg. Parit Mahang,  
45800 Jeram,  
Selangor Darul Ehsan.
19. Perpustakaan Desa Batu 14  
Hulu Langat,  
Kompleks Penghulu, Batu 14,  
43100 Hulu Langat,  
Selangor Darul Ehsan.
20. Perpustakaan Desa Pulau Indah  
Kg. Sungai Pinang,  
42920 Pelabuhan Klang,  
Selangor Darul Ehsan.
21. Perpustakaan Desa Tanjung Sepat  
566, Jalan 2,  
42800 Tanjung Sepat,  
Selangor Darul Ehsan.
22. Perpustakaan Desa Sungai Pelong  
Lot 168-B, Batu 16, Jalan Jati,  
Kg. Sungai Pelong,  
42700 Sungai Buloh,  
Selangor Darul Ehsan.
23. Perpustakaan Desa Jeram  
Pekan Jeram,  
45800 Jeram,  
Selangor Darul Ehsan.
24. Perpustakaan Desa Kerling  
Kg. Pasir,  
44100 Kerling,  
Hulu Selangor,  
Selangor Darul Ehsan.

25. Perpustakaan Desa Bukit Kapar  
Taman Sri Cerakah,  
Bukit Kapar Timur,  
42200 Kapar,  
Selangor Darul Ehsan.
26. Perpustakaan Desa Sungai Air  
Tawar,  
Kg. Sungai Air Tawar,  
45100 Sabak Bernam,  
Selangor Darul Ehsan.
27. Perpustakaan Desa Pasir Panjang,  
27 Parit 10, Batu 1 1/2,  
45400 Pasir Panjang,  
Selangor Darul Ehsan.
28. Perpustakaan Desa Bukit Badong  
61, Jalan Haji Shamsudin,  
Kg. Bukit Badong,  
45600 Batang Berjuntai,  
Selangor Darul Ehsan.
29. Perpustakaan Desa Kg. Tengah  
Gombak Batu 6 1/4,  
53100 Kuala Lumpur.
30. Perpustakaan Desa Jenderam Hilir  
d/a Sek. Keb. Jenderam Hilir,  
Kg. Jenderam Hilir,  
43800 Dengkil,  
Selangor Darul Ehsan.
31. Perpustakaan Desa Rancangan  
Tanah Belia 1,  
Sungai Panjang,  
45300 Sungai Besar,  
Selangor Darul Ehsan.

## Perpustakaan Desa



**Perpustakaan Desa Sabak Bernam**  
Tingkat Atas, Dewan Tun Razak,  
45200 Sabak Bernam,  
Selangor Darul Ehsan.



**Perpustakaan Desa Sungai Masin**  
44000 Batang Kali,  
Kuala Kubu Baru,  
Selangor Darul Ehsan.



**Perpustakaan Desa Sementa**  
Batu 6 1/2, Jalan Kapar,  
42100 Klang,  
Selangor Darul Ehsan.



**Perpustakaan Desa Ijok**  
Batu 8, Ijok,  
45620 Batang Berjuntai,  
Selangor Darul Ehsan.

## Perpustakaan Desa



**Perpustakaan Desa Olak Lempit**  
Kampung Olak Lempit,  
42700 Banting,  
Selangor Darul Ehsan.



**Perpustakaan Desa Kampung  
Kubu Gajah**  
Kg. Kubu Gajah,  
47000 Sungai Buluh,  
Selangor Darul Ehsan.




**Perpustakaan Desa Kuang,**  
Batu 18, Kuang,  
48000 Rawang,  
Selangor Darul Ehsan.



**Perpustakaan Desa Sungai Merab**  
Kg. Sungai Merab Tengah,  
43000 Kajang,  
Selangor Darul Ehsan.

## Perpustakaan Desa



**Perpustakaan Desa Bagan Terap**

Pekan Bagan Terap,  
Sungai Panjang,  
45300 Sungai Besar,  
Selangor Darul Ehsan.



**Perpustakaan Desa Hulu Bernam**

Kg. Baru, Hulu Bernam,  
35900 Tanjung Malim,  
Selangor Darul Ehsan.



**Perpustakaan Desa Semenyih**

43000 Kajang,  
Selangor Darul Ehsan.



**Perpustakaan Desa Sri Tiram Jaya**

Kg. Sri Tiram Jaya,  
45500 Tanjung Karang,  
Kuala Selangor,  
Selangor Darul Ehsan.

## Perpustakaan Desa



**Perpustakaan Desa Kg. Sungai Selisek**  
 Lot 4277, Kg. Masjid Sungai Selisek,  
 44020 Kuala Kubu Baru,  
 Selangor Darul Ehsan.



**Perpustakaan Desa Sri Jugra**  
 Kampung Sri Jugra,  
 42700 Banting,  
 Selangor Darul Ehsan.




**Perpustakaan Desa Meru**  
 Dewan Serbaguna Meru,  
 Pekan Meru,  
 41050 Klang,  
 Selangor Darul Ehsan.



**Perpustakaan Desa Nakhoda Omar**  
 Simpang 4, Bagan Nakhoda Omar,  
 45200 Sabak Bernam,  
 Selangor Darul Ehsan.

## Perpustakaan Desa



Perpustakaan Desa Kg. Endah  
Kg. Endah,  
42700 Banting,  
Selangor Darul Ehsan.



Perpustakaan Desa Parit Mahang  
Kg. Parit Mahang,  
45800 Jeram,  
Selangor Darul Ehsan.




Perpustakaan Desa Batu 14 Hulu Langat  
Kompleks Penghulu, Batu 14,  
43100 Hulu Langat,  
Selangor Darul Ehsan.



Perpustakaan Desa Pulau Indah  
Kg. Sungat Pimang,  
42920 Petabuhan Klang,  
Selangor Darul Ehsan.

## Perpustakaan Desa



**Perpustakaan Desa Tanjung Sepat**  
566, Jalan 2,  
42800 Tanjung Sepat,  
Selangor Darul Ehsan.



**Perpustakaan Desa Sungai Pelong**  
Lot 168-B, Batu 16, Jalan Jati,  
Kg. Sungai Pelong,  
42700 Sungai Buloh,  
Selangor Darul Ehsan.




**Perpustakaan Desa Jeram**  
Pekan Jeram,  
45800 Jeram,  
Selangor Darul Ehsan.



**Perpustakaan Desa Kerling**  
Kg. Pasir,  
44100 Kerling,  
Hulu Selangor,  
Selangor Darul Ehsan.



## Perpustakaan Desa



**Perpustakaan Desa Bukit Kapar**

Taman Sri Cerakah,  
Bukit Kapar Timur,  
42200 Kapar,  
Selangor Darul Ehsan.



**Perpustakaan Desa Sungai Air Tawar**

Kg. Sungai Air Tawar,  
45100 Sabak Bernam,  
Selangor Darul Ehsan.

## PERPUSTAKAAN MPPJ



### (Model) Perpustakaan MPPJ

Tingkat 2, Menara MPPJ,

Jalan Tengah, 46200 Petaling Jaya.

Tel: 03-7573949

Faks: 03-7581869

### Waktu Perkhidmatan:-

Isnin	-	2.00 ptg. - 6.00 ptg.
Selasa - Sabtu	-	10.00 pg. - 6.00 ptg.
Ahad dan Cuti Am	-	Tutup

### YURAN KEAHLIAN:

Ahli Biasa	-	RM5.00
Ahli Seumur Hidup	-	RM150.00
Setiap ahli diberi dua kocek pinjaman.		
Bagi Ahli Seumur Hidup	-	4 kocek pinjaman

## PERPUSTAKAAN MPPJ

### LATAR BELAKANG

Menyedari akan perlunya sebuah perpustakaan untuk bandar Petaling Jaya, satu persetujuan telah dicapai oleh Majlis Perbandaran Petaling Jaya pada 28 Februari 1987 untuk menubuhkan Kelab Buku Petaling Jaya.

Sebuah Jawatankuasa Protém KBPJ telah dilantik oleh MPPJ. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Encik Soong Siew Hoong, seorang Ahli Majlis MPPJ pada ketika itu. Usaha-usaha ke arah mewujudkan sebuah perpustakaan menjadi kenyataan apabila Kelab Buku Petaling Jaya dengan rasminya didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan 1966 pada 13 Oktober 1987.

Matlamat awal penubuhannya ialah untuk menyediakan kemudahan tempat bacaan dan pinjaman buku di samping memupuk minat suka membaca di kalangan masyarakat di Petaling Jaya khususnya, dan Lembah Kelang amnya.

Memandangkan akan pentingnya peranan yang dimainkan oleh sesebuah perpustakaan, maka pada 1 April 1993, MPPJ dengan rasminya mengambilalih Kelab Buku Petaling Jaya. Kini, ia dikenali dengan nama Perpustakaan MPPJ.

Pengambilan alih ini telah menunjukkan keprihatinan MPPJ terhadap perkembangan keilmuan sejajar dengan pembangunan fizikal Petaling Jaya masa kini.

Perpustakaan MPPJ merupakan salah satu daripada kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh MPPJ untuk masyarakat di Petaling Jaya. Perpustakaan MPPJ menyediakan berbagai perkhidmatan kepada ahli-ahlinya.

Dalam memenuhi usaha kerajaan menuju ke arah untuk mencapai Wawasan 2020, peranan perpustakaan juga akan turut meningkat menjadi sebuah khazanah ilmu yang penting dalam meningkatkan minda masyarakat.

### KEAHLIAN

Keahlian Perpustakaan terbuka kepada permastautin tetap di dalam kawasan pentadbiran MPPJ dan juga penduduk-penduduk Lembah Kelang. Dua bentuk keahlian yang ditawarkan adalah - Keahlian Biasa dan Keahlian Seumur Hidup.

## PENDAFTARAN

Keperluan pendaftaran adalah seperti berikut:

- Pendaftaran dibuat dengan mengisi Kad Pengenalan Ahli.
- Bagi yang masih menuntut, ibu bapa/penjaga dan Wakil sekolah perlu menandatangani kad tersebut.
- Dua keping gambar berwarna berukuran kad pengenalan.
- Tempoh keahlian adalah selama setahun.
- Kelayakan layak untuk individu berusia 5 tahun ke atas.



## PERKHIDMATAN DAN KEMUDAHAN

### PERKHIDMATAN PINJAMAN

Kemudahan ini disediakan untuk ahli-ahli yang berdaftar sahaja. Setiap pinjaman yang diberi adalah untuk tempoh selama 2 minggu sahaja. Pembaharuan pinjaman boleh juga dibuat menerusi telefon.

Perkhidmatan tempahan buku juga diberi kepada ahli. Setiap tempahan buku akan disimpan selama 2 minggu untuk dituntut oleh ahli yang menempah.

### **PERKHIDMATAN RUJUKAN**

Bahagian ini juga memberi perkhidmatan rujukan kepada ahli.

Antara koleksi yang terdapat di bawah perkhidmatan ini adalah:

- Koleksi Ensiklopedia dan Kamus di dalam pelbagai bidang perkara.
- Koleksi Malaysiana; semua penerbitan yang diterbitkan mengenai Malaysia sama ada dari dalam atau luar negara.
- Rujukan Am/Koleksi Pentadbiran dan Pengurusan - Rujukan di dalam pelbagai bidang perkara serta rujukan khas di dalam bidang perkara Pentadbiran dan Pengurusan.
- Koleksi Ulang Kaji Peperiksaan - Koleksi yang dibina oleh Perpustakaan untuk calon-calon peperiksaan PMR, SPM dan STPM. Koleksi ini akan dinilai dari masa ke masa agar koleksi yang dibina mengikut silibus peperiksaan.

### **PERKHIDMATAN KANAK-KANAK**

Bahagian ini terbahagi kepada 3:

- Bahagian buku fiksyen kanak-kanak.
- Bahagian buku rujukan khas untuk kanak-kanak yang merangkumi ensiklopedia, rujukan bersiri dan buku rujukan.
- Aktiviti Kanak-kanak - Pada setiap pagi Sabtu, satu sesi aktiviti kanak-kanak diadakan. Antara aktiviti yang diperkenalkan ialah kraf tangan, bercerita dan lain-lain.

### **PERKHIDMATAN AUDIO VISUAL**

Disediakan kaset dan pita video di dalam pelbagai bidang perkara. Perkhidmatan yang diberikan adalah PERCUMA dan boleh digunakan hanya di dalam Perpustakaan.

Untuk kemudahan tayangan video, satu bilik khas dengan kapasiti 20 tempat duduk disediakan, 4 buah karek disediakan untuk kegunaan peralatan audio.

### **PERKHIDMATAN AKHBAR DAN MAJALAH**

Perpustakaan telah melanggan 7 jenis akhbar harian untuk kegunaan ahli. Sehingga kini terdapat lebih kurang 100 judul majalah dalam dan luar negara. Majalah-majalah ini terdiri daripada pelbagai bidang perkara.

Untuk tujuan rujukan, majalah-majalah 'back issues' dijilid secara tahunan dan diletakkan di Bahagian Rujukan.

Untuk kemudahan pencarian maklumat melalui majalah-majalah semasa yang dipamirkan, Perpustakaan menyediakan Perkhidmatan Kandungan Majalah Terkini yang bertujuan untuk meringkaskan pencarian maklumat ahli.

## KEMUDAHAN-KEMUDAHAN

### FOTOKOPI

Perpustakaan menyediakan perkhidmatan ini dengan kadar 10 sen sekeping.

### BILIK BACAAN DAN AKTIVITI

Bilik Bacaan Terbuka adalah sebuah bilik bacaan berkonsep terbuka yang disediakan untuk ahli mengulang-kaji dengan buku-buku sendiri. Bilik ini terletak di hadapan pintu masuk Perpustakaan MPPJ. Ia dibuka pada hari-hari berikut:

Rabu	- 8.00 pagi - 4.00 petang
Khamis, Jumaat dan Ahad	- 10.00 pagi - 5.30 petang

Bilik Aktiviti dibuka pada setiap hari Sabtu mulai jam 10.00 pagi - 5.00 petang. Pelbagai 'board games' disediakan untuk kegunaan ahli.

### PERATURAN PERPUSTAKAAN

'Pegguna' yang dimaksudkan di sini ialah sesiapa sahaja sama ada ahli atau bukan ahli yang menggunakan kemudahan-kemudahan dan berada di premis perpustakaan.

1. Pengguna adalah dilarang daripada membuat tanda dengan pen atau pensil atau melipat muka surat buku atau dengan lain-lain cara yang boleh merosakkan buku-buku, majalah, peralatan audio visual, perabot-perabot dan lain-lain barang hakmilik Perpustakaan MPPJ.
2. Buku-buku rujukan dan pita-pita audio visual tidak dibenarkan dibawa keluar daripada premis Perpustakaan kecuali buku-buku yang telah dipinjam.

3. Pengguna hendaklah menunjukkan kepada pegawai yang bertugas segala buku-buku yang hendak dibawa keluar dari Perpustakaan.
4. Tidak dibenarkan membawa masuk barang-barang sendiri kecuali alat tulis dan kertas. Buku fotostat dan semua jenis fail tidak dibenarkan.
5. Pengguna tidak dibenarkan bercakap dengan kuat dan membuat bising sehingga boleh mengganggu ketenteraman pengguna lain.
6. Pengguna tidak dibenarkan tidur atau baring di atas kerusi, meja, sofa dan lantai Perpustakaan.
7. Pengguna adalah dilarang merokok, makan, minum serta meludah di mana-mana tempat di premis Perpustakaan.
8. Pengguna hendaklah berpakaian yang sesuai, serta tidak menjolok mata, berkeadaan bersih dan bebas daripada menghadapi sebarang penyakit berjangkit, apabila memasuki Perpustakaan.
9. Penggunaan adalah dilarang membawa masuk kenderaan beroda kecuali kerusi roda untuk orang cacat.
10. Pegawai atau kakitangan Perpustakaan yang bertugas mempunyai kuasa meminta sesiapa yang mengganggu ketenteraman keluar dari Perpustakaan.
11. Pengguna tidak dibenarkan membawa masuk binatang peliharaan masuk ke premis Perpustakaan.
12. Pihak Perpustakaan berkuasa untuk tidak membenarkan pengguna membuat pinjaman buku dan lain-lain barang milik perpustakaan jika mereka didapati melanggar Peraturan Perpustakaan.
13. Pegawai Perpustakaan mempunyai hak untuk meminta mana-mana pengguna yang melakukan perkara suumbang di mana-mana bahagian di Perpustakaan untuk keluar.
14. Pengguna tidak dibenarkan mengalih, mengubah atau memindahkan mana-mana perabot yang terdapat di mana-mana bahagian Perpustakaan.
15. Kemudahan menggunakan Perpustakaan akan ditarik balik jika seseorang itu gagal mematuhi undang-undang yang telah ditetapkan.
16. Seseorang yang berada di mana-mana bahagian Perpustakaan, adalah menjadi kesalahan sekiranya ia melakukan perkara-perkara berikut:
  - i. Membuat perkara-perkara liar dan berkelakuan tidak sopan/senonoh;
  - ii. Berjudi dan bertaruh;

- iii. Melakukan kekerasan atau menggunakan perkataan lucah;
- iv. Mereka yang terus tinggal di Perpustakaan walaupun setelah Perpustakaan telah ditutup;

#### 17. Denda

- i. Tarikh pemulangan buku lewat - 10 sen sehari (Dikira pada hari Perpustakaan dibuka sahaja) serta maksima RM2.00 untuk sebuah buku;
- ii. Hilang Kad Pinjaman - RM1.00 sekeping;
- iii. Hilang Kad Matrik Ahli - RM5.00;
- iv. Hilang Buku dalam Pinjaman
  - Harga buku + RM5.00 (proses) atau
  - Ganti buku sama judul + RM5.00.
- v. Koyak Buku - Jika ditangkap mengoyakkan buku, pengguna akan didenda dengan dikehendaki membayar harga buku buku tersebut serta kos proses RM5.00.